

115

114

JILID II

HARI SELASA

BIL. 2

20, DISEMBER, 1983



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

YANG KEENAM

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KEDUA

SECOND SESSION

MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING

ISSN 0304-1697

JILID II

BIL. 2

HARI SELASA

20 DISEMBER, 1983



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

**DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEENAM**

SIXTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

**PENGGAL YANG KEDUA
SECOND SESSION**

**MESYUARAT YANG KETIGA
THIRD MEETING**

KANDUNGAN

**PERBAHASAN ATAS RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN (1984), 1983**

MUKASURAT

SELASA, 20HB. DISEMBER, 1983

HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Speaker (Tan Sri Datuk Teh Ewe Lim, P.S.M., D.M.P.N., J.M.N.)
 Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
 Yang Berhormat Penasihat Undang-undang (Encik Mohd. Saari bin Yusuff)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas, D.M.P.N., D.J.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim, D.M.P.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penaga (Datuk Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, D.M.P.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua (Encik Mohd. Shariff bin Hj. Omar)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki, K.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Hj. Omar)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee, J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh (Tuan Haji Ahmad bin Saleh, P.K.T., A.M.N.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Chung Hor @ Teoh Kooi Sneah, J.P.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah (Encik Liang Thau Sang, P.J.M.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik, P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Teluk Bahang (Tuan Haji Yahaya bin Ahmad)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampong Kolam (Encik Wong Hoong Keat)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti (Encik Jusoh @ Yusoff Hilmi b. Hj. Shafie)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Md. Isa bin Hj. Ramli)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tambun (Dr. Khoo Soo Kheng)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat)

ABSENT:

- Yang Berhormat Ahli Kawasan Tasek Gelugor (Tuan Haji Samsuddin @ Md. Noor bin Ahmad, A.M.N., P.K.T., P.J.K.)
 Yang Berhormat Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Song Ban Kheng).

TURUT HADIR:

- Setiausaha Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.K., P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 9.40 pagi.

DOA.

Tuan Speaker:

Dewan dibuka untuk perbahasan.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, baru-baru ini Negara kita telah menjalani suatu krisis pindaan Perlembagaan yang besar sejak kemerdekaan.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan 1983 yang telah diberi keizinan oleh Timbalan Yang Di Pertuan Agong pada 15hb. Disember tahun ini kini sekurang-kurangnya telah memberi kelegaan buat sementara waktu kepada kita semua. Bagi Negeri Pulau Pinang ianya tidak diragui bahawa untuk sebarang kemajuan kita harus menikmati keamanan dan kestabilan di seluruh Negara. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, menfiskan penyelesaian terhadap bantuan selama 4 bulan ke atas pindaan Perlembagaan sebagai kemenangan kepada kematangan dan tanggungjawab.

Tuan Speaker, bagi diri saya, saya sifatkan penyelesaian itu sebagai suatu ajaran yang keras bagi pentadbiran 2M yang bermula dengan baiknya tetapi kemudiannya muncul dengan beraninya mencuba hendak melangkah ke atas perasaan sensitif Raja-raja.

Tuan Speaker, sungguhpun pertelingkahan baru-baru ini di antara Kerajaan dan Raja-raja terhadap pindaan Perlembagaan tidak melibatkan T.Y.T. Yang diPertua Negeri Pulau Pinang akan tetapi ianya jelas, dalam pemikiran saya, mungkin terdapat keharuan yang menyentuh Artikel 26(4) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang berbunyi:-

“Sesuatu Rang Undang-undang adalah menjadi Undang-undang apabila ia

dipersetujui oleh Yang diPertua Negeri tetapi tiada sesuatu undang-undang boleh berkuatkuasa sehingga ianya telah disiarkan, tetapi, walau bagaimanapun ini tidaklah menyentuh kuasa Badan Perundangan bagi menengguhkan kuatkuasa sesuatu undang-undang atau bagi membuat undang-undang supaya berkuatkuasa kebelakangan.”

Tuan Speaker, nasib baik kini Kerajaan Pusat mendapati wajar untuk mengemukakan suatu Rang Undang-undang baru dalam sidang khas Dewan Rakyat pada 9hb. dan 10hb. Januari 1984 bagi:-

- (1) mengekalkan Artikel 150 seperti yang sedia ada sebelum ianya dipinda dalam Rang Undang-undang 1983. Ianya tidak boleh dinafikan yang Perdana Menteri tidak seharusnya memaksa dirinya untuk menguasai kuasa mengisytiharkan darurat;
- (2) meminda Artikel 66 Perlembagaan Negara yang telah dipinda; dan
- (3) membatalkan pindaan yang dibuat kepada Rang Undang-undang Jadual Kelapan Perlembagaan Negara.

Tuan Speaker, pindaan kepada Jadual Kelapan sudah tentu akan melibatkan Negeri Pulau Pinang. Negeri Melaka sudah pun melompat lebih dahulu dengan meluluskan Perlembagaan Negeri Melaka (Pindaan) (No. 2) Enakmen 1983 membekalkan sesuatu undang-undang menjadi kuatkuasa jika ianya tidak dibenarkan oleh Yang diPertua Negeri dalam masa 15 hari dari tarikh ianya diserahkan untuk diperkenankan.

Tuan Speaker, dengan bersetujunya pihak Kerajaan kepada Raja-raja untuk membatalkan Jadual Kelapan Perlembagaan Negara kini Negeri Melaka sudah pun berada dalam keadaan bahaya dan malu.

Tuan Speaker, saya gembira kerana Negeri Pulau Pinang tidak melompat semampama itu.

Tuan Speaker, dalam membentangkan bil Bekalan (1984), 1983 semalam dalam Dewan yang mulia ini, Y.A.B. Ketua Menteri berkata:

“Sungguhpun ekonomi dunia dalam pandangan luar kelihatan pulih, akan tetapi kita mesti mengharapkan bahawa pemulihan dari kemelesetan di tahun akan datang mungkin lembab. Oleh itu strategi kita yang digabungkan dalam bekaln bagi tahun 1984 adalah akan terus bertindak terhadap kekuatan kemelesetan untuk menahan kemajuan sosio-ekonomi kita melalui mematuhi garis panduan kempen berjimat negara (*national austerity drive*) dan dengan mengurangkan seharus-harusnya perbelanjaan-perbelanjaan yang membazir.”

Tuan Speaker, adakah Kerajaan sebenar-benarnya mengurangkan semua perbelanjaan yang membazir?

Tuan Speaker, kita mempunyai projek berjuta-juta ringgit seperti KOMTAR yang mana Kerajaan sungguh menekankan untuk menyiapkannya seperti yang dicadangkan pada asalnya dalam keadaan kemelesetan dunia kini. Y.A.B. Ketua Menteri kelihatan berazam untuk melihat projek ini siap sebelum ia bersara apabila tamat tempohnya penggal ini.

Tuan Speaker, bagi Ketua Menteri, akibat konflik ekonomi Negeri tidak dipedulikan, KOMTAR kelihatan seperti tugu peringatan Ketua Menteri atau, dengan izin, Taj Mahal bagi dirinya. Impian Y.A.B. Ketua Menteri ini mungkin bermaksud malapetaka bagi ramai mereka yang hidup. Y.A.B. Ketua Menteri sentiasa menekankan untuk menempatkan jabatan-jabatan Kerajaan dan syarikat-syarikat perniagaan di bawah satu payung dan ini adalah berten-

tangan dengan pepatah yang berbunyi “mengisikan semua telur dalam satu bakul”. Yang lebih mengejutkan lagi ialah kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri dalam Dewan yang mulia ini bahawa semua kakitangan Kerajaan Negeri tidak terjamin bagi keselamatan mereka, semasa menjawab pertanyaan mulut bahawa adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa banyak kakitangan Kerajaan yang bekerja di KOMTAR bimbang kerana keselamatan mereka, kebakaran di KOMTAR pada tahun ini sudahpun menjadi amaran kepada mereka yang gembira melihat KOMTAR membangun dengan indahny.

Tuan Speaker, kos permulaan KOMTAR adalah amat kecil jika dibandingkan dengan apa yang akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri apabila ianya siap nanti.

Tuan Speaker, bagi menjawab soalan saya dalam Dewan yang mulia ini kelmarin mengenai berapakah bayaran profesional yang dipersetujui dibayar kepada Team Three atau Jurubina Bertiga dan berapa banyakkah sudahpun dibayar kepada mereka setakat ini, Y.A.B. Ketua Menteri berkata bahawa semua bayaran profesional dibayar terus kepada Konsortium Pembangunan atau Development Konsortium yang menjadi pakar perunding untuk projek KOMTAR dan bahawa peruntukan bayaran di antara ahli-ahli Konsortium itu adalah suatu perkara dalam Consortium (*internal matters of the Consortium*), dengan izin.

Tuan Speaker, ini bermakna tidak ada bayaran dibuat terus kepada Team Three. Dalam pandangan saya, Y.A.B. Ketua Menteri adalah didapati tidak jujur kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, pada 19hb. November, 1983, Mahkamah Perindustrian di Pulau Pinang telah memberitahu bahawa Jurubina Bertiga (Team Three) menerima sebanyak \$50 juta sebagai bayaran arkitek. Mahkamah juga diberitahu wang yang diterima itu adalah 7½% daripada jumlah kos

projek KOMTAR. Mahkamah juga diberitahu bahawa semua projek pembangunan utama di Pulau Pinang telah diberikan kepada Team Three. Adik kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Datuk Lim Chong Keat, berada dalam Team Three. Kenyataan di Mahkamah ini sudah tentu mengeluarkan bau pilih kasih. Tuan Speaker, saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri akan menjelaskan hal ini dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, saya berharap Y.A.B. Ketua Menteri akan menjelaskan hal ini dalam Dewan ini.

Tuan Speaker, kelmarin, bagi menjawab pertanyaan saya, dalam Dewan yang mulia ini Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu bahawa kos permulaan projek KOMTAR ialah sebanyak \$26,919,057.00 dan kos permulaan ini adalah terlibat untuk memiliki 10.87 hektar tanah. Berapakah jumlahnya apabila KOMTAR siap nanti, Tuan Speaker? Adakah projek ini berkemungkinan atau *viable*, dengan izin, dalam konteks ekonomi kita sekarang? Apakah pinjaman-pinjaman yang diperolehi bagi projek ini dan berapakah faedahnya yang telah dibayar bagi penjamin-penjamin ini setakat ini?

Dalam membentangkan bil bekalan kelmarin, Y.A.B. Ketua Menteri berkata:-

“Pada tahun 1983, kita telah menguruskan kewangan kita dengan cermat dan sungguhpun kita telah menyediakan satu anggaran belanjawan yang kekurangan sebanyak \$3,822,600.00 untuk tahun 1983 mungkin berakhir dengan satu belanjawan yang seimbang. Walaupun saya sangat ingin menyatakan sedemikian bagi tahun yang akan datang, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini kepada satu perkara bahawa “Kumpulan Wang Hasil Yang Disatukan” kita akan mempunyai hanya \$2,800,000.00 sahaja pada penghujung tahun 1984. Kita mesti-

lah mengurus dengan kemas belanjawan bagi tahun 1984 dan mengawal ketat semua butiran perbelanjaan supaya setiap sen yang diperuntukkan akan memberikan faedah yang maksima.”

Tuan Speaker, kenyataan tersebut di atas dalam konteks beban kewangan Negeri yang dihadapi oleh KOMTAR sudah tentu menunjukkan bahawa keutamaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri didapati salah.

Y.A.B. Ketua Menteri menyatakan yang Kerajaan Negeri harus meminta lebih kewangan daripada Kerajaan Pusat. Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini kelmarin:

“Sebagai contoh, di masa lepas saya telah mencadangkan supaya sebahagian daripada “Cukai Jalan” yang dipungut di Negeri ini yang kita difahamkan berjumlah kira-kira \$40,000,000.00 dalam tahun 1982, diberi kepada Negeri ini. Saya telah juga mencadangkan supaya kutipan tol Jambatan diberi kepada Kerajaan Negeri sebagai satu sumber hasil di masa hadapan apabila kesemua kosnya telah diperolehi balik. Pada hari ini saya menggesa Kerajaan Persekutuan menimbangkan pemberian balik sebahagian daripada hasil yang didapati dari cukai perkhidmatan hotel dan perkhidmatan penyediaan makanan yang dianggarkan berjumlah kira-kira \$10,000,000.00 pada tahun ini kepada Negeri ini memandangkan Negeri Pulau Pinang akan menjalankan usaha-usaha penggalakan pelancongan dengan bersungguhsungguh demi mengukuhkan sektor pelancongan ekonomi kita.”

Tuan Speaker, adalah jelas dari kenyataan tersebut bahawa Kerajaan Pusat tidak mengindahkan permintaan Y.A.B. Ketua Menteri. Y.A.B. Ketua Menteri

kelihatan selalunya mencadang dahulu dan menyeru sekarang. Kerajaan Pusat didapati tidak suka dengan permintaan Y.A.B. Ketua Menteri yang telah memasuki Kerajaan pemerintah dalam tahun 1969 setelah Parti Gerakan memenangi atas platform parti pembangkang bagi mempertahankan dirinya.

Tuan Speaker, ianya adalah suatu perkahwinan politik untuk kemudahan. Kerajaan Pusat sudahpun mengalami cukup dengan Y.A.B. Ketua Menteri dan Y.A.B. Ketua Menteri sudahpun menggunakan Kerajaan Pusat.

Tuan Speaker, tidak terdapat sebarang keikhlasan dalam perikatan mereka itu. Kerajaan Pusat sudahpun jelas sedang mencari lain jalan untuk memperkuatkan tapaknya di Negeri ini melalui penubuhan PERDA yang mana sudah tentu menjadi alat untuk mengawal Negeri ini dari Kuala Lumpur.

Tuan Speaker sepertimana yang saya sebutkan dahulu Y.A.B. Ketua Menteri sudahpun menjualkan Negeri Pulau Pinang dengan sepenuhnya kerana tidak membantah akan penubuhan PERDA. Dewan yang mulia ini telah diletakkan dalam keadaan gelap dalam soal penubuhan PERDA. Oleh kerana fungsi-fungsi PERDA adalah sama seperti Dewan Undangan Negeri, maka ianya tidak boleh dinafikan yang Kerajaan Pusat telah mencerobohi kedaulatan Negeri Pulau Pinang. Ianya bukan rakyat Pulau Pinang melalui wakil rakyat, Tuan Speaker, mereka akan memerintah Negeri Pulau Pinang tetapi ianya adalah ahli-ahli PERDA yang dilantik oleh Kerajaan Pusat.

Pembekalan adalah dibuat untuk hanya tiga orang wakil Kerajaan Negeri dalam jumlah 12 orang ahli dalam PERDA. Mengapakah Kerajaan Negeri setuju untuk penubuhan PERDA? Sudah tentu Y.A.B. Ketua Menteri tidak boleh mengatakan tidak kepada tuan besarnya dalam UMNO. Ianya adalah jelas bahawa UMNO

yang memerintahkan Negara ini dan bukan Barisan Nasional. Juga dalam krisis perlembagaan yang kita alami baru-baru ini, Tuan Speaker, UMNO lah yang berunding dengan Raja-raja untuk penyelesaian. UMNO juga yang menentukan tarikh bagi sidang Dewan Rakyat pada bulan hadapan dan bukannya Barisan Nasional.

Tuan Speaker, kita tidak boleh menerima UMNO memerintah negara ini secara terbuka. Bagi tujuan faedah diri mereka sendiri Gerakan, MCA dan MIC sedia memainkan peranan rendah.

Ini adalah bahaya bagi sebuah negara yang berbilang kaum seperti Negara kita (gangguan).

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, *Point of Order*: 46(vi).

Tuan Speaker, saya fikir Ahli Kawasan Bukit Glugor faham masalah perbekalan tetapi ada beberapa perkataan yang beliau bawa ini adalah jauh daripada masalah yang kita bahas pagi ini. Saya tahu Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor ada banyak angin politik tetapi masa kini bukanlah masa kita membahaskan politik beliau.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, ini perbahasan atas Enakmen Perbekalan oleh kerana itu dasar-dasar Kerajaan boleh dikemukakan dan saya boleh berucap atas perkara-perkara penting.

Tuan Speaker:

Itu perkara Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Bukan Kerajaan Pusat, Tuan Speaker, tetapi apa Yang Berhormat Ketua Menteri baru-baru ini ada sebut di bawah *Point of Order* bahawa *relevancy* bukan *Federal*.

Tuan Speaker:

Sekarang masalah perbekalan.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Bukan perbekalan, Tuan Speaker. Saya tentu mahu sentuh sedikit tentang perkara dasar, polisi Kerajaan, Kerajaan yang jujur atau Kerajaan yang sudah menipu rakyat (gangguan).

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, tarik balik "tipu rakyat!"

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tipu rakyat!

Ketua Menteri:

Tarik balik "tipu rakyat!"

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tidak boleh tarik balik!

Ketua Menteri:

Tarik balik!

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tidak boleh tarik balik! *You have misled the people politically for a long time!*

Ketua Menteri:

Tarik balik!

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Nothing to "tarik balik."

Ketua Menteri:

Tarik balik!

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tidak boleh! Duduk! Saya tidak beri

jalan. Duduk! Saya teruskan, Tuan Speaker.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, (gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Duduk! Saya tidak beri jalan! *Point of Order* atau apa? Tuan Speaker, boleh saya tahu? Saya tidak beri jalan kepada Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

46.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

46 sudah disebut tadi dan saya sudah jawab. Habis!

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, keputusan bukan diambil oleh anda tetapi diambil oleh saya! Saya tidak benarkan. Sila duduk. Saya harap tarik balik apa yang telah dikatakan tadi.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Apa tarik balik? *It is a fact! You sold the State lock, stock and barrel! What are you talking about?* Apa tarik balik? Tuan Speaker, *this is not unparliamentary*. Ini pandangan saya, Tuan Speaker. Bolehkah saya teruskan? Tuan Speaker, "tipu rakyat" *is not unparliamentary*.

Tuan Speaker:

Perkataan itu adalah *unparliamentary*.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Itu pandangan saya. Bolehkah terangkan dalam Perlembagaan apakah yang *unparliamentary* dan apa yang bukan *unparliamentary*? Tarik balik apa, Tuan Speaker?

Tuan Speaker:

Perkataan “tipu rakyat”.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

“Tipu rakyat” *has been said time and again*. Ini bukan *unparliamentary*. Jikalau tidak *unparliamentary* kita boleh gunakan. Bolehkah saya dapat satu keputusan, Tuan Speaker? Adakah ini satu perkataan yang *unparliamentary*?

Tuan Speaker:

Saya sudah bagi keputusan saya. Tarik balik, baru boleh teruskan.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Is it unparliamentary, dengan izin? *Is it?* Tidak payah tarik balik jikalau tidak *unparliamentary*. Itu pandangan saya. Perkataan “tipu rakyat” boleh digunakan dalam Dewan Rakyat. Bolehkah saya teruskan, Tuan Speaker?

Tuan Speaker:

Tarik balik!

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tarik balik apa, Tuan Speaker?

Tuan Speaker:

Tunjuklah sedikit sentangat *gentleman* dan muhibbah.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Itu bukan muhibbah. Adakah perkataan yang saya gunakan itu *unparliamentary*? Jikalau *unparliamentary*, boleh saya tarik balik. Jikalau tidak *unparliamentary* saya tak boleh tarik balik.

Penasihat Undang-undang Negeri:

Tuan Speaker, boleh saya membantu Tuan Speaker? Saya rujuk kepada Peraturan 46(xii)(c) dalam menggunakan

perkataan-perkataan yang boleh menyakitkan hati (*use of abusive expressions*), Tuan Speaker. Terpulanglah kepada Tuan Speaker untuk membuat keputusan. Saya hanya membantu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Kita dari pihak pembangkang pun pernah dituduh menipu rakyat, tapi kita tidak suruh tarik balik.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, Penasihat Undang-undang bukan seorang politik. Saya mahu dapat satu keputusan, adakah perkataan “tipu rakyat” *unparliamentary*? Jikalau *unparliamentary*, Tuan Speaker, bolehkah buat satu keputusan? Saya boleh timbang balik. Jikalau bukan *unparliamentary* kalau saya tarik balik pun akan menjadi satu *precedent* dalam Dewan ini. “Tipu rakyat” bukan *unparliamentary*.

Tuan Speaker:

Tarik balik di bawah Peraturan 46 (xiii) (c).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Hj. Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya juga minta ambil perhatian tentang Peraturan 46(xvii) (b), iaitu adalah salah pada peraturan juga menggunakan perkataan-perkataan yang menghasut supaya memberontak. Mungkin dengan perkataan bahawa Kerajaan menipu rakyat akan menghasut rakyat memberontak kepada Kerajaan. Oleh itu diminta tarik balik.

Tuan Speaker:

Sila tarik balik. Jika tidak ada peraturan saya benarkan.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Bolehkah saya teruskan? Kalau melanggar peraturan saya boleh tarik balik,

tetapi saya tidak melanggar. Apa yang saya gunakan itu bukan *unparliamentary*. Tuan Speaker dulu pun ada guna "kurang ajar" dalam Dewan ini, tidak tarik balik pun. Apa ini perkara yang kecil sekarang seperti perkataan "tipu rakyat" sudah menjadi *unparliamentary*?

Tuan Speaker, boleh saya teruskan? Jikalau *unparliamentary* saya boleh tarik balik, jikalau tidak *unparliamentary* tidak payah.

Tuan Speaker:

Keputusan diambil oleh saya dan saya telah berkata itu ada bersangkutan dengan Peraturan 46 (xiii) (c).

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Yang berbunyi apa, Tuan Speaker? Bolehkah saya dapat penerangan?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Tidak tahu bacakan?

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Shut up! Bila saya bercakap tidak boleh ganggu! Itu ada dalam peraturan Dewan ini.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Mohd. Zain bin Haji Omar):

Jangan marah.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, bolehkah saya bagi satu penjelasan? Saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor janganlah ambil pengalaman beliau. Dari pengalaman yang kita tahu beliau pernah kena buang dari Dewan ini dan kena buang dari Parlimen. Di sini apa kata ikut Parlimen?

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Atas prinsip.

Ketua Menteri:

Prinsip mana?

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, sila tarik balik.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tarik balik apa, Tuan Speaker? Tarik balik, tarik balik, tarik balik apa?

Tuan Speaker:

Perkataan "tipu rakyat".

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Itu bukan *unparliamentary*, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Mengikut peraturan, sila tarik balik.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

"Kurang ajar" boleh digunakan. Adakah itu *parliamentary*? *What justice is there here?* Tuan Speaker, sampai hari ini tidak ditarik balik. Saya tarik balik, Tuan Speaker, apa yang baru-baru ini saya cakap, tetapi bukan kerana ikut peraturan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

On a Point of Order, 47(4), iaitu sebarang fatwa yang diberi oleh Tuan Speaker adalah muktamad. Ini juga ada berkaitan dengan 46(c) (xiii) iaitu penggunaan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati. Di sini bermakna perkataan itu adalah *unparliamentary*.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Unparliamentary?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ya.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

“Kurang ajar” bukan *unparliamentary*? Dalam Dewan ini “kurang ajar” tidak *unparliamentary* tetapi “tipu rakyat” *unparliamentary*. Oleh kerana itu saya tarik balik “tipu rakyat”. Perkataan “kurang ajar” tidak *unparliamentary* oleh sebab Tuan Speaker boleh gunakan. Keputusan Tuan Speaker sekarang ialah perkataan “tipu rakyat” adalah *unparliamentary*. *It is on record. You'd better settle this.*

Tuan Speaker, apa yang saya kata tadi sebelum saya diganggu oleh Y.A.B. Ketua Menteri — satu *old fox* dalam Dewan ini — semua penduduk-penduduk dalam negara ini tahu bahawa parti-parti dalam Barisan Nasional tidak ada maruah. Satu contoh baru-baru ini, Tuan Speaker, dalam pilihan-raya kecil kawasan Kepayang, Raub dan Seremban, maruah MCA, Tuan Speaker, sudah pun turun oleh kerana M.C.A. menjadi satu *component party* dalam Barisan Nasional yang memerintah Negeri ini.

Tuan Speaker, kelmarin Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berkata bahawa punca utama yang diharap akan menambatkan hasil pendapatan ialah melalui cukai tanah yang dianggarkan dikutip sebanyak \$16 juta bagi tahun hadapan. Di sini, Tuan Speaker, saya menyokong seruan Y.A.B. Ketua Menteri terhadap mereka yang masih berhutang cukai tanah supaya jelaskan secepat mungkin. Y.A.B. Ketua Menteri telah memberi amaran bahawa tindakan keras undang-undang akan diambil terhadap mereka yang gagal membayar cukai tanah dan mereka yang terlibat tidak harus menyalahkan Y.A.B. Ketua Menteri sekiranya tanah mereka itu dirampas. Tuan Speaker, walau bagaimanapun, saya berharap pihak berkenaan akan hanya mengambil tindakan ini sebagai usaha yang terakhir. Mereka yang berhutang cukai tanah haruslah dibenarkan membayarnya secara ansuran.

Tuan Speaker, saya lihat dalam Belanjawan tahun 1984 bagi Jabatan Hal Ehwal

Agama ditambah sebanyak \$185,000.00. Dalam hubungan ini, Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang kepentingan orang-orang beragama Hindu bersabit dengan pembinaan Berhala Ayappan di atas tanah kuil Sri Thandayuthabani di Waterfall Pulau Pinang yang dicadangkan oleh Lembaga Hal Ehwal Agama Hindu di Pulau Pinang memandangkan kepada penyembahan yang bertentangan di antara kedua-dua berhala yang berkenaan. Tuan Speaker, ini adalah dicerminkan dalam surat bertarikh 14hb. Disember, 1983 kepada Y.A.B. Ketua Menteri oleh Encik S.G. Mugunathan, Presiden Majlis Bersekutu Hal Ehwal Agama Hindu Pulau Pinang. Surat ini menyalahkan tentang resolusi yang dibuat dalam persidangan kuil-kuil Hindu dan badan-badan Agama Hindu di Pulau Pinang pada 30hb Oktober 1983 yang dihadiri oleh seramai 400 perwakilan mewakili sebanyak 40 kuil Hindu di Pulau Pinang dan pemimpin-pemimpin terkenal di Pulau Pinang. Persidangan tersebut menyuarakan kegemparan dan kehairanan bahawa dalam suatu sesi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini Y.B. Datuk T. Subbiah telah menyalahkan pemimpin Dewan ini dan juga orang ramai dengan menyatakan bahawa sebahagian besar kaum Hindu ingin menikmati pembinaan sebuah kuil yang berdekatan kepada berhala Ayappan di atas tapak yang dicadangkan. Dalam suratnya kepada Y.A.B. Ketua Menteri, Presiden Majlis Bersekutu Hal Ehwal Hindu Pulau Pinang telah memohon pejabat Ketua Menteri campur tangan dalam hal ini. Adalah harapan saya bahawa Y.A.B. Ketua Menteri akan meneliti perkara ini dan jika perlu mengarahkan suatu *inquiry*.

Y.A.B. Ketua Menteri telah menyeru semua wakil-wakil rakyat supaya bermotivasi dengan thema “Kepimpinan Melalui Teladan”. Tetapi, amat sedih dikatakan bahawa kekecohan di dalam Gerakan telah membawa kerosakan kepada kepentingan rakyat. Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Pinang, telah memberitahu Dewan yang

mulia ini kelmarin bahawa laporan dalam akhbar "THE STAR" bahawa surat-surat palsu peruntukan rumah-rumah telah dihantarkan kepada orang ramai yang dikatakan ditandatangani olehnya adalah benar, tetapi Ahli Yang Berhormat hanya menjawab dengan satu perkataan iaitu "Ya" manakala soalan yang dijawabnya itu juga mengandungi soalan berikut iaitu "Adakah sebarang penyiasatan dibuat? Apakah tindakan diambil terhadap perkara itu"? Tuan Speaker, sudah ternyata bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Pinang tidak melanjutkan jawapannya kerana tidak mahu mendedahkan kekecohan dalam Gerakan. Yang menghairankan ialah surat palsu itu mengandungi logo Barisan Nasional dan Gerakan. Ini sudah tentu suatu perkara yang serius. Saya berharap Ahli Yang Berhormat akan bersikap jujur kepada Dewan yang mulia ini dan memberitahu akan perkara yang sebenarnya. Ia harus memberitahu apakah penyiasatan yang dilakukan dan keputusannya.

Tuan Speaker, Kerajaan Negeri seharusnya jangan membenarkan ubah syarat kegunaan tanah dalam Negeri dengan mudah demi kepentingan ramai. Sekeping tanah kepunyaan institusi latihan suci seluas 6.5 hektar di Jalan Kelawei telah dipohon untuk ubah syarat kepada tanah kediaman dan perniagaan. Adalah difahamkan bahawa tanah tersebut di mana terdirlanya College-General yang berumur 175 tahun jua telah dijual dengan harga \$36 juta kepada seorang pemaju. Penduduk-penduduk di sekitar kawasan itu dikatakan telah mengemukakan bantahan terhadap ubah syarat itu. Kawasan kediaman tidak seharusnya dibenarkan berdampingan dengan aktiviti-aktiviti perdagangan. Tuan Speaker, saya berharap bantahan oleh mereka yang terlibat itu diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Speaker, di masa lampau saya telah mengadu tentang pembayaran royalti sebanyak \$10,000.00 kepada Negeri Kedah menurut perjanjian dalam tahun 1869. Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed

Nahar Shahabuddin telah memberitahu Dewan Undangan Negeri Kedah awal bulan ini bahawa tidak ada sebab untuk menghapuskan bayaran royalti sebanyak \$10,000.00 yang dibayar kepada Negeri Kedah kerana menyewakan Negeri Pulau Pinang dan kerana mereka mendakwa yang Pulau Pinang adalah sebahagian dari Negeri Kedah.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, lagi sekali mengikut *Point of Order* 46 (vi). Masalah royalti bukan masalah yang kita bahaskan. Itu pembayaran Kerajaan Persekutuan, tidak bersangkutan dengan Kerajaan Negeri. Saya kata kita hari ini membahaskan tentang Perbekalan tahun 1984 sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, nampaknya Y.A.B. Ketua Menteri tidak memperdulikan kedaulatan negeri ini. Jikalau di sana boleh, itu bukan *Federal*; tetapi di sini *Federal*. Tuan Speaker, Ketua Menteri takut oleh kerana itu adalah satu perkara yang sensitif.

Ketua Menteri:

Untuk penjelasan. Negeri Kedah menerima \$10,000.00 daripada Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan yang kita anggarakan untuk tahun depan atau perbekalan Negeri Pulau Pinang tidak termasuk pembayaran kepada Negeri Kedah. Oleh sebab itu saya kata perkara yang ditimbulkan itu tidak bersangkutan dengan apa yang kita bahas. Itu sudah terkeluar.

Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, tidak payahlah bawa perkara itu.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Itu satu perkara berkenaan dengan kedaulatan Negeri ini. Bukan tak payah, Tuan Speaker.

Tuan Speaker:

Perkara itu tidak payah disebutkan.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Tuan Speaker, penjelasan.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Apa? Penjelasan atau *on a Point of Order*?

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Untuk penjelasan saya tidak bagi jalan. Saya tidak boleh bagi jalan. Duduk!

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Dengar saya bercakap dulu.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tidak perlu kacau.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Berilah peluang sedikit.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Penjelasan, saya ada hak untuk tidak bagi jalan. Saya tidak bagi jalan oleh kerana beliau mahu buat kacau.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Ini betul-betul takutlah!

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Kacau saja. Tidak payah buang masa. Tuan Speaker, saya teruskan soal kedua-latan negeri ini.

Tuan Speaker, ini adalah satu perkara yang mustahak. Baru-baru ini dalam Dewan Undangan Negeri Kedah, Menteri Besar telah berkata Pulau Pinang menjadi sebahagian daripada Negeri Kedah. Bolehkah kami senyap tidak membantah kenyataan itu? Ketua Menteri tentu takut oleh kerana tidak ada *guts* memberitahu kepada pihak Persekutuan untuk menghapuskan royalti ini. Itu satu tugas utama Y.A.B. Ketua Menteri, Tuan Speaker, oleh kerana apa yang dikatakan oleh Menteri Besar Kedah tidak boleh diterima oleh penduduk-penduduk Negeri Pulau Pinang dan juga Parti D.A.P.

Terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, untuk penjelasan sahaja. Ahli Kawasan Bukit Glugor telah mengakhiri ucapannya. Masalah pembayaran royalti bukan satu masalah yang sesiapa pun boleh bawa. Ini mengikut perjanjian-perjanjian yang dibuat pada masa itu, dan adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Ini satu tanggungjawab yang telah diterima dan ini termasuk dalam Perlembagaan. Ini bukan masalah ada *guts* atau tidak ada *guts* tetapi masalah ada otak atau tidak ada otak; masalah baca atau tidak baca.

Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Karpal Singh):

Tuan Speaker, penjelasan. Saya tahu, Tuan Speaker, itu ada peruntukan dalam Perlembagaan, tetapi adalah menjadi tugas kita dan Perlembagaan boleh diubah. Baru-baru ini dengan apa yang ada timbul boleh, tetapi adalah menjadi tugas Ketua Menteri untuk mencari jalan menghapuskan perkara itu dalam Perlembagaan. Itu tugas Ketua Menteri. Sampai hari ini, Tuan Speaker, Ketua Menteri tidak berbuat apa-apa untuk menyelesaikan perkara ini. Ini adalah satu perkara yang memalukan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Chin Nyok Soo):

Tuan Speaker, ingin saya mengambil

kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1984 membentang Anggaran Perbelanjaan 1984. Dalam Jadual Anggaran Perbelanjaan muka surat pertama, jumlah pendapatan hasil cukai bagi tahun 1984 adalah sebanyak \$73,120,920.00 dan perbelanjaan sebanyak \$77,526,450.00. Jumlah defisit dijangka sebanyak \$4,405,530.00. Jika anggaran perbelanjaan tahun 1983 dan 1984 dibandingkan, jumlah defisit yang terdapat bagi tahun 1983 ialah \$3,822,600.00, iaitu bagi tahun 1983, jumlah pendapatan ialah \$61,827,400.00 dan perbelanjaan \$65,650,000.00. Maka perbezaan jumlah defisit bagi kedua-dua tahun ini ialah \$582,930.00 – kenaikan 5% sahaja.

Tuan Speaker, tetapi pendapatan hasil bagi tahun depan adalah dianggarkan bertambah sebanyak \$11,293,520.00 – kenaikan 18%. Penambahan hasil pendapatan telah meningkatkan perbelanjaan sehingga \$77,526,450.00. Jika dibandingkan dengan perbelanjaan tahun ini yang berjumlah sebanyak \$65,650,000.00, maka perbelanjaan tahun 1984 telah melebihi sebanyak \$11,876,450.00 – kenaikan 18%.

Tuan Speaker, perbelanjaan Kerajaan Negeri adalah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu:-

- (i) perbelanjaan yang telah Diper-tentukan; dan
- (ii) perbelanjaan Yang Diperuntuk-kan oleh Undang-undang Bekalan.

Perbelanjaan dipertentukan bagi tahun 1983 dan 1984 ialah \$21,663,320.00 dan \$28,515,750.00 masing-masing. Ini meng-gambarkan tambahan sebanyak \$6,852,430.00 bagi tahun 1984 – kenaikan 31%. Walau bagaimanapun, jika dibanding-kan dengan jumlah defisit tahun 1984 yang berjumlah \$4,405,530.00, perbelanjaan di-pertentukan telah melebihi jumlah defisit sebanyak \$2,446,900.00. Jika dibanding-kan dengan perbelanjaan yang dipertentu-kan oleh Undang-undang Bekalan, angka tahun 1984 adalah melebihi angka 1983 sebanyak \$5,024,020.00 – kenaikan 11%.

Tuan Speaker, Ringkasan Anggaran Perbelanjaan Biasa Tahun 1984 dalam belanjawan Negeri, muka surat 15, telah dibahagikan dalam dua senarai:-

- (i) perbelanjaan yang dipertentukan yang merangkumi tiga pejabat yang berjumlah \$28,515,750.00 adalah merupakan 37% perbelan-jaan tahunan.
- (ii) perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Undang-undang Bekalan yang berjumlah \$49,010,700.00 adalah merupakan 63% perbelan-jaan tahunan.

Tuan Speaker, dari pemberian dan kenaan bayaran tetap yang berjumlah \$27,959,140.00, 98% akan digunakan oleh Jabatan Kewangan dan ada peruntukan bagi KOMTAR yang berjumlah \$7,125,000.00. Dalam mukasurat 23, per-kara (xxiv) dan (xxxii) merupakan perbe-lanjaan sebanyak 25% daripada peruntukan bagi Jabatan Kewangan. Ini tidak termasuk perbelanjaan \$2,187,500.00 bagi KOMTAR pada tahun 1983.

Tuan Speaker, di bidang perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Undang-undang Bekalan, jumlah angka sebanyak \$49,010,700.00 akan digunakan oleh 14 buah Jabatan Kerajaan Negeri. Yang men-jadi luarbiasa ialah dalam perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Undang-undang Beka-lan, masih terdapat perbelanjaan sebanyak \$2,380,760.00 di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap. Dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1984, \$27,959,140.00 telah diperuntukkan bagi pemberian dan kenaan bayaran tetap. Apakah tujuan dan di mana bayaran tetap di bawah perbelan-jaan yang diperuntukkan oleh Undang-undang Bekalan telah dibelanjakan? Cuma bayaran tetap ini telah menjadi 54% dari-pada defisit tahunan yang berjumlah \$4,405,530.00 bagi tahun 1984. Ketua Menteri haruslah memberi penjelasan yang memuaskan.

Tuan Speaker, Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan yang mempu-

nyai seramai 571 orang kakitangan telah diperuntukkan sebanyak \$12,422,400.00 bagi tahun 1984. Angka ini merupakan 16% daripada jumlah perbelanjaan Negeri. Di antaranya, \$5,498,990.00 digunakan sebagai gaji dan upahan. Dalam muka surat 27 dan 28, Kod 1100-1500, \$2,746,450.00 sebagai bayaran tetap. Jumlah besar kedua-dua ini ialah \$8,245,440.00. Jumlah besar ini merupakan 66% daripada peruntukan bagi Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan. Di bawah Jabatan Ketua Menteri, bahagian perkhidmatan dan bekalan diperuntukkan \$4,069,110.00 atau 32% daripada jumlah perbelanjaan jabatan ini. \$1,062,000.00 adalah diperuntukkan bagi bahagian Pentadbiran Am, muka surat 29 hingga 32, Aktiviti (2) tetapi peruntukan gaji dan upahan di bawah Jabatan Ketua Menteri, sebanyak \$5,498,990.00 telah dimasukkan ke dalamnya peruntukan Pentadbiran Am sebanyak \$1,083,700.00. Muka Surat 27 dan 29, Aktiviti (2), di mana ada tambahan perbelanjaan Pentadbiran Am sebanyak \$1,062,000.00 digunakan dan tambahan perbelanjaan pentadbiran ini merupakan sebanyak 24% daripada jumlah defisit tahun 1984.

Tuan Speaker, defisit bagi Belanjawan Negeri 1984 dijangka dalam lingkungan \$4,405,530.00. Sekiranya daripada \$49,010,700.00 yang diperuntukkan di bawah bahagian Perbelanjaan Peruntukan, Undang-undang Bekalan, Kerajaan dapat menjimatkan \$1,062,000.00 dari bahagian Perkhidmatan dan Bekalan, Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, \$2,573,500.00 daripada \$2,740,450.00 Bayaran Tetap dan \$2,380,760.00 daripada Bayaran Tetap, Jabatan Kewangan Negeri. Maka, pada keseluruhannya Kerajaan akan menjimatkan jumlah sebanyak \$6,021,260.00. Dengan defisit tahun 1984, cuma berjumlah sebanyak \$4,405,500.00, Kerajaan masih mendapat kelebihan untung sebanyak \$1,614,730.00 maka soal defisit tidak timbul langsung.

Tuan Speaker, Perbelanjaan Bekalan tahun 1984 menunjukkan perbelanjaan

yang diperuntukkan bagi kedai-kedai tuak ialah \$1,453,200.00. Pejabat ini mempunyai kesemuanya 50 orang pekerja dengan gaji dan upahan sebanyak \$323,650.00. Dalam Butir-butir Anggaran Hasil, muka surat 3, Kod 1-7101-000 menunjukkan bahawa bagi tahun 1984, perbelanjaan bagi Kedai-kedai Tuak ialah \$1,453,200.00 dan cukai tuak yang didapati ialah \$410,000.00. Maka kekurangan ialah sebanyak \$1,043,200.00 atau sama dengan 23% daripada jumlah defisit tahunan. Tuan Speaker, untuk mendapati hasil jualan tuak sebanyak \$410,000.00, Kerajaan terpaksa membelanjakan \$1,128,555.00 atas Kedai-kedai Tuak. Untuk mengurangkan kerugian ini dan bebanan rakyat, mengapa Kerajaan tidak membenarkan Kedai-kedai Tuak ini diuruskan atas konsep berkongsi atau diswastakan?

Tuan Speaker, mengikut muka surat 10 Anggaran Perbelanjaan 1984, peruntukan bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah \$1,151,500.00. Peruntukan ini tidaklah mencukupi untuk membantu rakyat yang malang dan miskin atau Pusat Pemulihan Penagih Dadah atau organisasi yang mencegah penyalahgunaan dadah. Peruntukan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah kurang daripada jumlah subsidi yang diberi kepada Kedai-kedai Tuak. Kerajaan haruslah mengambil tindakan untuk mengurangkan defisit Kedai-kedai Tuak dan menyalurkan wang yang diijamatkan itu kepada Jabatan Masyarakat supaya dapat memberi sumbangan kepada rakyat yang sangat-sangat memerlukan bantuannya.

Tuan Speaker, sebelum saya tamatkan perbahasan saya, ingin saya mendesak Dewan ini mengambil berat terhadap Anggaran Perbelanjaan tahun 1984. Jumlah perbelanjaan Negeri bagi tahun depan ialah \$77,526,450.00. Daripada jumlah perbelanjaan ini, \$27,959,140.00 akan dibayar balik kepada Kerajaan Pusat sebagai bayaran faedah wang pinjaman, atau sama dengan 36% daripada jumlah perbelanjaan tahunan. Jika diambilkira bayaran tetap Pentadbiran Am dan Jabatan Kewangan yang berjumlah \$5,127,210.00, ini bermakna jumlah perbe-

lanjaan Bayaran Tetap telah meningkat sehingga \$33,086,350.00.

Tuan Speaker, ingin saya mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa jumlah Perbelanjaan Bayaran Tetap dalam Anggaran Perbelanjaan tahun 1984 ialah sebanyak \$33,086,350.00. Dalam lain-lain perkataan, ini bermakna bagi setiap ringgit Kerajaan belanjakan, 0.42 sen adalah digunakan bagi perbelanjaan yang telah dipertentukan dan cuma baki 0.58 sen digunakan untuk perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Rang Undang-undang Bekalan.

Tuan Speaker, dikaji dari segi ekonomi, jika Kerajaan Negeri tidak mengambil tindakan berjimat-cermat, maka segala pembangunan Negeri Pulau Pinang akan terancam dan rakyat akan terpaksa membayar hasil yang lebih tinggi. Sebagai seorang wakil rakyat Barisan Nasional, membangkitkan nasihat-nasihat seperti ini adalah tanggungjawab saya.

Tuan Speaker, dengan ini saya menyokong perbelanjaan Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1984.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Ajam (Encik Yusof bin Salleh):

Tuan Speaker, izinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang tahun 1984.

Belanjawan 1984 yang berjumlah \$77,526,450.00 bolehlah dianggap sebagai belanjawan yang sederhana. Ianya tidaklah begitu membebankan rakyat setelah dikaji pada keseluruhannya walaupun ianya dalam bentuk defisit sebanyak \$4,405,530.00 oleh sebab jumlah ini tidaklah begitu besar.

Dalam program-program dan prestasi-prestasinya adalah dianggap sebagai butir-butir tambahan kepada anggaran perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri 1984, yang mana semua akaun belanjawan mengurus

dikendalikan mengikut aktiviti Jabatan. Cara begini akan dapat membantu kawalan pentadbiran yang licin, cekap dan berkesan.

Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri atas penggunaan komputer yang lebih segera dalam tahun 1984 ini di Pejabat Kewangan Negeri dalam bidang perakaunan gaji, kawalan perbelanjaan dan analisa kewangan. Dengan terlaksananya penggunaan komputer ini saya yakin kecekapan Perbendaharaan Negeri dan cawangan kewangan di Jabatan-jabatan akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Speaker, di samping ini sukalah juga saya menarik perhatian Kerajaan Negeri supaya memberi perhatian yang lebih bersungguh-sungguh kepada masalah kewangan Negeri yang pada masa ini boleh dianggap sebagai satu penjejasan kepada kewangan Negeri agar ianya tidak akan berterusan ke arah yang lebih buruk lagi, terutama sekali berkenaan dengan pinjaman-pinjaman yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan juga wang-wang tunggakan di beberapa Jabatan yang sudah beberapa tahun masih belum dapat diselesaikan punggutannya hingga ke hari ini. Mengikut laporan yang kita terima daripada Juru Audit Negara bagi tahun 1978 jumlahnya agak begitu besar sekali. Kita bimbang keadaan ini juga jika masih berterusan ianya akan menggugat kedudukan kewangan dan kemajuan pembangunan Negeri. Masalah ini bukanlah satu perkara yang kecil, ianya perlu mendapatkan penyelesaian segera.

Tuan Speaker, terutama sekali pinjaman semula yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang, yang mana semua wang ini adalah dari kumpulan-kumpulan wang yang dipinjamkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. Dengan ini Kerajaan Negerilah yang bertanggungjawab terhadap pinjaman ini.

Mengikut laporan yang kita terima daripada Juru Audit Negara, pinjaman yang

diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah lebih \$14 juta pada tahun 1978 hingga 31hb. Disember, 1981, masih belum membayar. Di samping itu terdapat juga kelewatan yang sama bagi pembayaran tunggakan dari tahun 1979 hingga 1981.

Kelewatan ini patut dipandang berat oleh kerana pinjaman yang diberikan itu berupa pinjaman semula yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Masalah ini akan menjejaskan kewangan Negeri oleh sebab Kerajaan Negeri terpaksa memenuhi tanggungannya kepada Kerajaan Persekutuan dari punca-punca kewangannya sendiri.

Tuan Speaker, tunggakan keseluruhannya setakat 31 Disember tahun 1981 berjumlah sebanyak \$59.54 juta. Ini sekali lagi membuktikan penjejasan yang begitu ketara terhadap kewangan Negeri. Sungguhpun bayaran denda lewat telah dikenakan tetapi ini bukanlah satu cara yang boleh menyelesaikan masalah bagi mendapatkan semula wang yang dipinjamkan itu.

Pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang berjumlah \$45 juta itu; \$25 juta daripadanya telah diperuntukkan untuk tujuan pembinaan KOMTAR.

Keadaan ini bukanlah setakat menjejaskan kewangan Negeri sahaja tetapi mengikut laporan yang diberi oleh Pegawai Kewangan Negeri, jika sekiranya Kerajaan Negeri tidak dapat memberi atau pun memenuhi tanggungjawabnya di atas pinjaman masa depan Kerajaan Negeri terhadap Kerajaan Persekutuan.

Tuan Speaker, berhubung dengan masalah kewangan Negeri bukanlah ianya semata-mata terletak kepada pinjaman Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang sahaja tetapi ianya adalah juga berkaitan rapat dengan pungutan wang-wang tunggakan dari lain-lain jabatan seperti

Pihak Berkuasa Air, Pejabat Tanah dan Galian, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain lagi yang sehingga masa ini masih lagi belum dapat menyelesaikan pungutan wang-wang tunggakan tersebut.

Dalam masalah ini pada pendapat saya kita tidak boleh menyerahkan semata-mata kepada badan-badan yang berkenaan sahaja bagi menyelesaikan masalah ini, sebaliknya ia adalah menjadi tanggungjawab bersama bagi semua pihak dalam Kerajaan Negeri untuk sama-sama memikirkannya bagi mencari jalan penyelesaian.

Tanda-tanda penjejasan kewangan Negeri pada masa ini sudah mula ternampak kepada masyarakat umum. Contohnya, Jabatan Pertanian yang telah mengadakan EXPO Pertanian pada bulan April yang lalu sebahagian daripada jumlah pembayaran kepada pihak-pihak yang terlibat masih belum selesai sehingga hari ini. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan ianya akan sedikit sebanyak menjejaskan imej Kerajaan Negeri dalam bidang pentadbiran kewangan Negeri.

Masalah kewangan adalah masalah penting bagi sesebuah Kerajaan Negeri lebih-lebih lagi dalam zaman kemelesetan ini. Kerajaan terpaksa menghadapi bebanan-bebanan dari segi penambahan perbelanjaan bagi tiap-tiap tahun, terutama tambahan bagi bayaran kenaikan gaji sebanyak \$2.0 juta iaitu dalam jangka 23% bagi tiap-tiap tahun. Begitulah juga dengan hal-hal yang lain yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

Dengan ini sukalah saya mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri di dalam Dewan yang mulia ini supaya menubuhkan satu badan yang ahli-ahlinya terdiri dari wakil-wakil Rakyat dan Ketua-ketua Jabatan dengan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri untuk membincangkan cara-cara bagi mendapatkan jalan penyelesaian terhadap masalah ini dengan seberapa segera yang boleh.

Setakat ini, kita masih ada lagi punca-punca yang boleh menambahkan lagi pendapatan Kewangan Negeri seperti daripada kutipan cukai tanah yang dianggarkan oleh Kerajaan Negeri akan memperolehi sebanyak \$18 juta pada tahun 1984 ini. Begitu juga dengan cukai-cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di Pulau Pinang ini seperti cukai terhadap hotel-hotel yang telah dapat dikutip sebanyak \$10 juta dan juga cukai jalan (road tax) sebanyak \$40 juta dalam tahun 1983 ini. Kerajaan Negeri sepatutnya mencari jalan bagi mendapatkan sedikit wang-wang ini untuk tambahan kewangan negeri hasil daripada kedua-dua pungutan cukai oleh Kerajaan Persekutuan itu.

Sekian, terima kasih dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan.

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Hj. Adnan @ Md. Isa bin Hj. Ramli):

Tuan Speaker, ingin saya mengambil kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1984.

Tuan Speaker, sesudah saya mendengar penerangan yang jelas dan kesungguhan hujah-hujah dari Y.A.B. Ketua Menteri serta angka-angka yang tepat dan *details* yang munasabah serta maksud-maksud dan tujuan Rang Undang-undang Perbekalan 1984, maka saya ADUN Kubang Semang, bangun menyokong Enakmen Perbekalan Tahun 1984 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri di Dewan yang mulia ini pada petang semalam.

Perbelanjaan ini menunjukkan kukuhan kewangan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang pada hari ini. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat menafikan bahawa Kerajaan Negeri masih lagi memerlukan wang yang lebih banyak untuk membangunkan Negeri dan kemajuan rakyat Negeri Pulau Pinang ini dan saya mengharapkan Kerajaan Pusat dapat mempertimbang dan memberikan bantuan-bantuan

yang lebih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini yang mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini tidak mempunyai hasil bumi seperti negeri-negeri lain.

Tuan Speaker, berikut ini saya ingin memberi pandangan dan pendapat saya yang ikhlas di Dewan yang mulia ini. Wang sebanyak \$49,010,700.00 adalah Wang Rakyat, bagi rakyat jumlah wang ini adalah jumlah yang besar. Manakala Dewan meluluskan Rang Undang-undang ini nanti maka jadilah suatu amanah daripada rakyat kepada Pentadbiran Negeri ini supaya pihak yang berkenaan bertanggungjawab dan berhati-hati untuk membelanjakan peruntukan ini. Oleh itu saya dengan ikhlasnya mengharapkan setiap sen perbelanjaan akan memberi faedah yang maksima kepada rakyat.

Menyentuh tentang perbelanjaan hampir \$2.5 juta untuk Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan, begitu juga dengan \$1.7 juta di bawah utiliti dan pembersihan ruang pejabat, saya yakin dan percaya ini boleh dijamin lagi dengan semangat yang diserukan oleh Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan ini iaitu "Kepimpinan Melalui Teladan".

Yang Berhormat Tuan Speaker, berkenaan pembelian 2 buah kereta baru Kerajaan sebanyak \$95,000.00 saya berharap rancangan ini hendaklah ditangguhkan buat sementara kerana mungkin kereta lama boleh lagi dipakai memandangkan sekarang ini zaman meleset. Jumlah wang ini lebih baik, lebih bermakna dan lebih berfaedah jika dibelanjakan untuk rakyat. Pembelian kereta-kereta tersebut bolehlah ditangguh buat sementara sehingga Malaysia mengeluarkan kereta buatan Malaysia sendiri. Seboleh-bolehnya biarlah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjadi Kerajaan Negeri yang pertama membeli dan menggunakan kereta buatan negara sendiri. Inilah yang saya katakan "Kepimpinan Melalui Teladan". Kita menentang pemborosan dan pembaziran.

Peruntukan sebanyak \$2.5 juta sebagai pemberian subsidi kepada pihak berkuasa Kerajaan Tempatan, badan-badan berkanun dan badan-badan kebajikan. Di sini saya suka memberi pandangan saya kepada Kerajaan Negeri mengadakan Pusat Kebajikan ataupun membangunkan Pusat-pusat Pemulihan Kanak-kanak cacat. Sebahagian besar kanak-kanak cacat yang malang ini tidak mendapat latihan dan pemulihan terpaksa menunggu giliran bertahun-tahun dan manakala sampai masanya untuk mendapat tempat hendak dimasukkan didapati kanak-kanak cacat yang malang tersebut telah melebihi umur, maka dengan dukacita dimaklumkan bahawa kanak-kanak tersebut ditolak permohonannya. Umur adalah syarat utama untuk memasuki Pusat Pemulihan tersebut. Ini hendak salahkan siapa? Datuk Speaker, kanak-kanak yang malang tersebut tidak minta dilahirkan, jadi harapan waris dan kanak-kanak ini untuk berdiri di atas kaki sendiri di masa depan sudah tinggal impian. Sudah tidak ada peluang maka bertambahlah rakyat Negeri ini yang menganggur dan meminta sedekah.

Kerajaan Negeri juga, Datuk Speaker, boleh menjimatkan wang rakyat. Cuba satukan jabatan-jabatan yang sama fungsinya di dalam Negeri ini. Umpamanya Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan juga Jabatan Haiwan boleh didapati di peringkat Negeri dan Kerajaan Tempatan demi untuk mengelakkan *double standard* dan untuk mengelakkan pembaziran wang dan masa jabatan-jabatan yang mempunyai perkhidmatan yang boleh disatukan.

Bahagian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri, Tuan Speaker, saya dapati tidak mendapat peruntukan. Ini bermakna seolah-olah portfolio Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri tidak berfungsi. Mungkin perkara ini akan dijawab bahawa peruntukan ini ada di bawah peruntukan Y.A.B. Ketua Menteri. Pada pendapat saya portfolio ini adalah mustahak untuk membimbing belia di zaman ini sebab mereka adalah generasi muda penggerak zaman dan mereka akan

menjamin Negara kita pada masa kini dan pada masa akan datang. Mereka ini patutlah diasuh dengan peradaban yang baik dan semangat waja, begitu juga dengan kefahaman kebudayaan Negara sendiri. Dengan kejahilan dan tidak faham budaya kita boleh menjadi sumbang. Perkara ini hendaklah diambil perhatian dan tindakan.

Contohnya, Datuk Speaker, semasa perasmian Pesta Pulau Pinang oleh Tuan Yang Terutama baru-baru ini, tarian budaya telah diadakan di hadapan pentas kenamaan dan para hadirin. Penari-penari kebudayaan telah menari mengikut rentak dan lagu kebudayaan, tetapi ada sumbangnya sebab pakaian yang sepatutnya pakaian kebudayaan (kebaya atau kurung ataupun songket) diganti dengan T-shirt dan seluar jeans; bila penari-penari ini menari mengikut rentak dan lagu semuanya bergoncang termasuk penonton-penonton. Ini Tuan Speaker, mencemarkan budaya kebangsaan. Kebudayaan bukan terletak kepada tarian dan nyanyian sahaja. Kebudayaan ialah peradaban hidup seharian termasuk pakaian, makanan, minuman, tempat tinggal, kesopanan dan kesusilaan. Maka pada pendapat saya, Datuk Speaker, peruntukan sendiri portfolio Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri patut sangat diadakan seboleh-bolehnya supaya dapat menggantikan T-shirt dan seluar jeans dengan pakaian kebangsaan.

Datuk Speaker, peruntukan biasiswa hendaklah juga ditambah. Ini adalah merupakan pelaburan modal kepada anak bangsa kita. Keutamaan patut diberi kepada permohonan-permohonan yang datang dari desa. Negara kita tidak mampu dan stabil jika mempunyai ramai rakyat yang tidak berpelajaran.

Tuan Speaker, menyentuh di atas sumber-sumber pendapatan Kerajaan Negeri selain daripada cukai, saya di sini ingin mencadangkan bahawa tapak-tapak kedai tuak Kerajaan di seluruh Negeri ini hendaklah diruntuh dan dibina dengan kompleks pembangunan untuk dijadikan sumber pen-

dapatan bagi rakyat dan juga boleh menolong rakyat, kerana tapak-tapak ini berada di tempat-tempat yang baik dan strategik di bandar-bandar di Negeri Pulau Pinang. Jika tapak-tapak ini dibiarkan berpanjangan ianya tidak akan mendapat apa-apa faedah yang berguna dan munafaat bagi rakyat. Kerajaan Negeri hanya mengutip sedikit cukai sahaja jika dibanding dengan maruah rakyat. Tuak menyebabkan rakyat menjadi mabok, pengotor dan kurang sihat serta membawa penyakit masyarakat. Oleh itu tanah-tanah yang berharga ini patutlah dibangun supaya dapat menambahkan wang dan *asset* Negeri ini. Saya suka juga menekankan bahawa Kedai Tuak haruslah dihapuskan di Negeri ini. Mungkin ini dipersetujui oleh Exco Tanah, Datuk T. Subbiah.

Berhubung dengan tunggakan cukai tanah yang tidak dibayar, Datuk Speaker, adalah diharap Kerajaan dapat bertindak dengan lebih tegas. \$9 juta adalah jumlah yang banyak. Ini bermakna pemilik-pemilik tanah yakni orang-orang kaya berhutang kepada rakyat yang miskin — berhutang kepada Kerajaan bermakna berhutang kepada rakyat — maka berdosa Kerajaan jika tidak mengambil apa-apa tindakan untuk memungut kembali wang tersebut. Tanah-tanah tersebut hendaklah dirampas dan dijadikan tapak-tapak bagi projek kepentingan rakyat.

Dengan ini, Datuk Speaker, sekali lagi saya mohon untuk menyckong usul yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.10 pagi.

Dewan bersidang semula jam 11.50 pagi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan belanjawan bagi tahun 1984.

Tuan Speaker, semasa membahaskan belanjawan tahun 1983 pada bulan Disember tahun lalu, saya telah menyatakan bahawa Kerajaan Barisan yang diketuai oleh Parti Gerakan di Negeri ini di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan belanjawan yang boleh dikatakan semuanya tidak cukup — *deficit* — setiap tahun selama 5 tahun yang lalu. Pandangan saya itu telah mengganggu Y.A.B. Ketua Menteri dan menyebabkan beliau menjawab bahawa ucapan saya menyatakan tahun demi tahun Kerajaan telah mengemukakan belanjawan yang defisit itu tidak benar, tetapi hakikat sebenarnya, belanjawan-belanjawan yang defisit selama 5 tahun kebelakangan ini telah bertambah ke jumlah lebih \$30 juta. Pada tahun ini sekali lagi, Dewan ini dikemukakan dengan belanjawan yang defisit.

Untuk tahun 1984 jumlah pendapatan hasil Negeri ini dianggarkan berjumlah \$73,120,920.00 iaitu kenaikan berjumlah \$11,293,520.00 ataupun 18.3% lebih dari tahun 1983, dan kita berharap supaya Kerajaan Negeri terus dalam usaha langkah berjimat-cermat untuk memastikan perbelanjaan operasi dan pentadbiran menurun dan mengemukakan satu belanjawan yang berlembihan (*surplus*) bagi tahun ini. Tetapi keadaannya tidak begitu kerana perbelanjaan bekalan juga naik ke jumlah \$77,526,450.00 iaitu kenaikan sebanyak \$11,876,450.00 lebih dari tahun 1983 dan ini merekodkan satu lagi defisit sejumlah \$4,405,530.00.

Y.A.B. Ketua Menteri dalam ucapannya semasa mengemukakan Rang Undang-undang Bekalan tahun lalu telah memberitahu Dewan ini bahawa belanjawan 1983 itu dibentangkan mengikut tahun akan datang yang agak susah disebabkan kemelesetan ekonomi dunia dan Kerajaan akan membelanjakan wang dengan berhati-hati dengan mengurangkan perbelanjaan peruntukan bagi beberapa perbelanjaan.

Tuan Speaker, kita masih lagi di dalam kemelesetan ekonomi dunia dan keadaan

ekonomi dunia masih lagi tidak tetap. Oleh yang demikian adalah penting dan perlu bagi Kerajaan Negeri supaya meneruskan langkah berjimat-cermat untuk tahun-tahun akan datang.

Tahun lalu semasa sidang belanjawan, saya telah menyeru Kerajaan supaya satu tindakan pemulihan yang tegas diambil terhadap keperluan jumlah wang yang banyak untuk perkhidmatan pinjaman yang mana lebih kurang 1/3 dari anggaran pendapatan hasil negeri dan juga untuk memperbetulkan keadaan di mana sejumlah wang yang besar untuk pembayaran denda oleh kerana bayaran pinjaman yang lewat. Adalah jelas sama ada seruan tersebut telah tidak diperdulikan sama sekali atau Kerajaan Negeri telah tidak sanggup lagi menguruskan jumlah hutang yang begitu besar yang telah dipinjam di tahun-tahun yang lalu.

Dalam belanjawan tahun 1984 kita dapati bahawa jumlah wang yang akan digunakan untuk perkhidmatan pinjaman telah bertambah dari jumlah sebanyak \$19,867,710.00 kepada \$26,520,740.00 iaitu pertambahan sejumlah \$6,585,030.00 lebih dari tahun 1983. Betapa perlunya, usaha untuk memulihkan bayaran pinjaman mengikut masa, telah juga tidak diperdulikan oleh Kerajaan Negeri. Malah jumlah hutang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mengikut akhir tahun 1982 telah bertambah kepada sejumlah \$68,660,744.00. Oleh sebab kegagalan membayar pinjaman-pinjaman tersebut mengikut masa telah menyebabkan Kerajaan terpaksa membayar faedah sejumlah \$10,230,571.00 dan sejumlah \$7,249,506.00 sebagai denda. Dari jumlah hutang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, hutang yang terlibat di dalam projek KOMTAR sahaja berjumlah \$30,762,601.00 dengan bayaran faedah sebanyak \$1,629,110.00 dan denda sejumlah besar \$4,133,291.00 ... (gangguan).

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, untuk penjelasan: Peraturan 46. Saya ingin memberi keterangan

bahawa masalah pinjaman Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tidak berkaitan dengan Perbekalan. Oleh sebab itu perkara ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota adalah untuk mengelirukan kedudukan kewangan negara kita.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik Teoh Teik Huat):

Tuan Speaker, apa yang saya bangkitkan ada berkaitan dengan Perbekalan sebab Kerajaan kita pernah meminjam wang daripada Kerajaan Pusat. Oleh itu perkara ini ada berkaitan dengan Perbekalan. '4

Tuan Speaker, dari jawapan mulut yang diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri semalam, hutang Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada tarikh 30hb. November, 1983 telah bertambah sejumlah lebih \$134 juta. *Trend* yang tidak sihat ini mestilah diawasi dan diperiksa dengan secepat mungkin dan langkah yang pertama ialah dengan memberhentikan projek-projek yang mewah seperti projek padang golf Bukit Jambul dan menurunkan perbelanjaan projek KOMTAR yang mana menambahkan lagi kegentingan kewangan kepada belanjawan kita.

Tuan Speaker, projek KOMTAR bukan saja seperti yang saya bangkitkan dahulu, sebagai satu kegentingan di dalam kewangan kita di dalam Kerajaan Negeri, tetapi telah juga menyebabkan berbagai-bagai masalah sosial. Projek KOMTAR telah menyebabkan banyak penduduk-penduduk terpaksa berpindah dari tempat tinggal yang telah mereka duduki turun-temurun, dan dari penyelidikan rasmi adalah dianggarkan seramai 4,032 orang akan terlibat apabila projek KOMTAR tersebut siap. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa orang-orang terlibat akibat dari projek KOMTAR ini amat keciwa dan marah dengan cara Kerajaan Negeri mengendalikan keadaan tersebut. Orang-orang ini amat bimbang yang mereka nanti tidak mempunyai rumah untuk tinggal.

Saya menyeru Kerajaan Negeri dan khususnya Y.A.B. Ketua Menteri yang juga Pengerusi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk mententeramkan kebimbangan penghuni-penghuni yang terlibat akibat projek pembangunan KOMTAR dan memastikan mereka diberikan tempat lain kepada penghuni-penghuni Jalan Magazine, Jalan Tek Soon dan kawasan-kawasan yang berdekatan yang terpaksa meninggalkan kawasan tersebut untuk projek KOMTAR itu.

Saya seterusnya menggesa Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri supaya mengkaji semula perjanjian sewa rumah yang berat sebelah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri di mana satu dari syarat di dalam perjanjian tersebut menyatakan bahawa penghuni atau penyewa terpaksa mengosongkan kawasan (*premises*) mereka dalam masa notis 3 bulan tanpa menyatakan sebarang alternatif untuk mendapatkan rumah lain bagi penyewa-penyewa tersebut.

Saya difahamkan bahawa terdapat penyewa-penyewa yang enggan menandatangani perjanjian tersebut dengan Kerajaan Negeri dengan syarat notis keluar yang mesti mereka hadapi. Penyewa-penyewa yang telah tinggal di rumah tersebut turun-temurun adalah dari golongan yang berpendapatan rendah dan dengan syarat yang demikian akan merasakan diri mereka tidak terjamin. Dan di manakah Kerajaan Negeri mahu mereka ini pergi apabila mereka ini diminta mengosongkan *premises* mereka?

Kerajaan Negeri tidak sepatutnya berlagak seperti ianya satu *transaction*, dengan izin, yang *normal* antara tuanpunya rumah dan penyewa, tetapi Kerajaan mestilah mempunyai *moral obligation* untuk keperluan asas penduduk-penduduk tersebut yang mana terpaksa mengosongkan *premises* mereka tanpa rela hati mereka tetapi terpaksa berbuat demikian untuk projek pembangunan Kerajaan.

Kerajaan Negeri mestilah memegang janji mereka bahawa projek pembangunan

yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tidak membawa kesusahan kepada orang-ramai. Apa yang saya sebutkan tadi adalah penyewa-penyewa yang tinggal menyewa rumah atau bilik dari tuanpunya rumah dan tanah yang *premises* mereka terlibat dengan pengambilan tanah oleh Kerajaan Negeri.

Terdapat satu lagi kategori orang yang berada dalam dilema dalam masalah ini adalah tuanpunya tanah dan rumah yang menduduki sendiri rumah mereka yang terlibat dengan pengambilan tanah bagi projek KOMTAR ini. Tuanpunya *premise* ini mestilah diberi masa yang cukup bagi mereka membetulkan kedudukan dan keadaan mereka. Saya difahamkan mereka (ini telah diberikan sebulan notis oleh pihak Kerajaan negeri untuk mengosongkan *premise* mereka pada bulan lalu, diikuti dengan satu lagi surat yang mengkehendaki mereka menandatangani perjanjian sewaan (*or sign a tenancy agreement*) dengan Kerajaan Negeri. Hanya awal bulan ini iaitu pada 7hb Disember, 1983 mereka ini telah diberikan notis akhir untuk menyelesaikan segala bayaran tunggakan dalam masa 2 minggu atau bekalan elektrik dan air mereka akan dipotong dan ugutan tindakan undang-undang akan diambil terhadap mereka. Orang-orang ini sungguh keliru mengenai apa yang dikehendaki oleh Kerajaan dan mereka sendiri tidak tahu apa yang mesti mereka buat.

Walaupun wang pampasan telah dibayar kepada tuan punya rumah tersebut, Kerajaan Negeri mempunyai hak undang-undang untuk memaksa mereka mengosongkan tempat tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mestilah sedar bahawa mereka-mereka ini bukan menjual tanah dan rumah mereka secara sukarela, tetapi adalah dipaksa oleh pihak Kerajaan Negeri untuk tujuan pembangunan. Malah wang pampasan sebanyak lebih kurang \$30,000.00 yang dibayar kepada mereka adalah jauh tidak mencukupi dan pengambilan tanah dan *premises* mereka untuk projek KOMTAR telah membawa mereka

kepada satu dilema.

Perancangan yang buruk dan tidak sesuai oleh Kerajaan Negeri untuk projek KOMTAR ini telah membawa keadaan yang sedemikian kepada orang-orang yang terlibat. Saya telah difahamkan bahawa *premises* dan tanah mereka telah diambil pada tahun 1972 tetapi wang pampasan hanya dibayar kepada mereka pada tahun 1976. Dalam ada itu apabila mereka memohon untuk membeli rumah dari Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, jawapan yang mereka terima ialah supaya menunggu giliran mereka kerana *premises* mereka masih belum dikehendaki oleh Kerajaan Negeri lagi. Sekarang Kerajaan Negeri menghendaki tanah tersebut untuk pembangunan, orang-orang yang terlibat ini sekarang tidak lagi sanggup untuk membeli rumah yang sama yang mereka telah pohon pada tahun 1976 dengan wang pampasan yang mereka dapati dari Kerajaan Negeri itu oleh kerana kenaikan harga harta-benda dan rumah di dalam Negeri Pulau Pinang.

Mengapakah beribu-ribu rakyat ini terpaksa menanggung bebanan ini oleh sebab kesemua projek KOMTAR tersebut telah dirancang dengan begitu buruk? Saya dengan tegas mengesa Kerajaan Negeri khususnya Y.A.B. Ketua Menteri untuk mengarahkan Pihak Berkuasa Negeri yang bertanggungjawab supaya menarik balik semua notis yang telah dihantarkan kepada orang-orang yang terlibat itu dan saya mencadangkan Kerajaan Negeri atau seboleh-bolehnya Y.A.B. Ketua Menteri supaya berjumpa untuk mendengar sendiri masalah dan penderitaan mereka yang terlibat itu supaya dapat mencari penyelesaian (*solution*) untuk dilema mereka. Kerajaan Negeri mestilah melihat masalah tersebut dari segi konsep keadilan sosial sebagai panduan utama oleh kerana keadilan undang-undang tidak semestinya bererti keadilan sosial. Kerajaan Negeri mestilah mengambil perhatian yang serius yang mesti kita titikberatkan untuk membantu supaya keadaan kehidupan rakyat biasa dan tidak menyebabkan kehidupan mereka ber-

tambah menderita.

Tuan Speaker, gaji dan elaun masih menjadi bahagian yang terbanyak di dalam perbelanjaan bekalan Kerajaan Negeri di dalam Belanjawan 1984 yang memperuntukkan sejumlah \$30,696,870.00 atau 62.6% peratus dari jumlah perbelanjaan bekalan sebanyak \$49,010,700.00 untuk tujuan ini. Kelihatan semua pentadbiran Kerajaan terletak pada tenaga manusia dan dari punca tenaga manusia inilah Kerajaan mesti mengambil untuk mendapatkan perjalanan kerja yang cekap (*efficient*) dan pengeluaran yang tinggi di dalam pentadbiran Kerajaan. Oleh yang demikian perlantikan perkhidmatan awam seharusnya diperseimbangkan secara adil mengikut semua bangsa di dalam Negeri ini untuk melambangkan komposisi berbilang bangsa di dalam Negeri ini. Perlantikan yang tidak saksama untuk jawatan tinggi dalam Kerajaan akan menyebabkan kekeciwaan dan rasa tidak puas hati yang akan hanya melibatkan kualiti dan *efficient* pentadbiran Kerajaan. Pembahagian peluang untuk menyertai di dalam punca tenaga kerja manusia di dalam pentadbiran hal ehwal Kerajaan Negeri juga akan menunjukkan keadaan yang adil dan saksama oleh Kerajaan.

Malangnya, hari ini jika kita kaji terhadap perlantikan jawatan tinggi di Negeri ini, adalah menampakkan bahawa masyarakat bukan Melayu tidak diwakili di dalam perjalanan Kerajaan Negeri di mana majoriti penduduknya terdiri dari bukan Melayu. Misalnya dari 19 orang Ketua Jabatan di Negeri ini hanya 6 orang sahaja yang bukan Melayu. Terdapat jabatan, misalnya Pejabat Tanah dan Galian, kelima-lima Pejabat Daerah dan Pejabat Perbendaharaan di mana dari 32 pegawai Divisyen 1, tidak seorangpun dari mereka terdiri dari orang bukan Melayu. Kakitangan Divisyen 1 di Pejabat Setiausaha Kerajaan juga jelas menunjukkan perlantikan yang tidak seimbang di mana dari 25 orang pegawai hanya 3 darinya adalah orang bukan Melayu. Kesemua jawatan pegawai Divisyen 1 dalam

pentadbiran Kerajaan Negeri jelas melambatkan ketidakseimbangan yang mana dari jumlah 125 pegawai, hanya 26 darinya bukan Melayu. Dari jumlah 26 orang Pegawai bukan Melayu dari Divisyen 1 yang paling ketara ialah di Jabatan Kerjaraya dengan 15 pegawai dan di Jabatan Parit dan Taliair 3 pegawai selain itu mereka ditempatkan di jabatan-jabatan yang tidak berapa penting.

Perseimbangan yang tidak sama di dalam perlantikan jawatan Kerajaan Negeri ini adalah tidak sihat bagi pentadbiran dan untuk memastikan pentadbiran yang lebih *efficient* dan baik, adalah amat diharapkan supaya ketidakseimbangan ini akan diperbetulkan secepat mungkin.

Dan saya juga berharap supaya Kerajaan Negeri akan melantik dan menaikkan pangkat kakitangan dan pegawai-pegawainya berpandukan kelulusan dan bukan warna kulit — "*qualification*" dan tidak "*kulitfication*" — untuk memastikan kecakapan dan kualiti tidak akan ditolak ansur.

Tuan Speaker, setiap hujung tahun dan apabila belanjawan dibentang sama ada di Parlimen, Dewan Undangan Negeri atau di Majlis-majlis Tempatan, orangramai akan merasa cemas sepanjang masa oleh kerana mereka ini tidak tahu apakah mereka akan terpaksa membayar cukai yang akan naik di tahun yang akan datang. Saya telah mengingatkan Kerajaan Negeri akan kenaikan penggunaan bekalan tahunan di dalam perbelanjaan bekalan dan telah menyeru Kerajaan Negeri untuk mencari usaha dan jalan lain untuk menambah pendapatan hasil Negeri ataupun mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu jika hasil pendapatan yang baru tidak dapat kita cari; supaya tidak ianya akan lebih membebankan rakyat dengan kenaikan-kenaikan bayaran cukai. Sudah semestinya Kerajaan Negeri telah tidak memperdulikan akan seruan dan gesaan yang dibangkitkan itu dan telah mencari jalan senang dengan membebankan orangramai dengan menaikkan kadar tak-siran dan cukai bagi tahun depan.

Kepada cadangan kenaikan kadar tak-siran untuk tahun 1984 oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai, apa yang dilakukan oleh Ahli-ahli Majlis dari MCA, Gerakan dan ahli-ahli mereka adalah amat keji oleh sebab mereka telah memutarbelitkan kesemua episod mengenai kesusahan dan keresahan orangramai ini dengan menjadikan untuk ianya sebagai untuk mencari publisiti sahaja. MCA telah melancarkan kempen tanda tangan untuk membantah akan kenaikan kadar tak-siran tersebut dan adalah dilaporkan bahawa semua ahli-ahli Majlis Perbandaran MCA dan Parit Gerakan telah menentang akan cadangan untuk menaikkan kadar tak-siran tersebut di Majlis Perbandaran masing-masing. Ahli-ahli ini seharusnya tahu dan faham bahawa bantahan mereka itu adalah sia-sia sahaja (gangguan).

Tuan Speaker, tak-siran ini akan dibawa ke peringkat negeri untuk diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan oleh kerana itu ianya ada kaitan dengan apa yang dibangkitkan. *It has to come to the State Government for approval.*

Ahli-ahli Majlis ini seharusnya tahu dan faham bahawa bantahan mereka itu adalah sia-sia sahaja oleh kerana mereka tidak mempunyai sebarang apa jua kuasa untuk membantah sebarang cadangan oleh kerana terdapat peruntukannya di dalam Akta Kerajaan Tempatan bahawa Pengerusi Majlis boleh menidakkan ataupun tidak mengindahkan keputusan yang dibuat di dalam Majlis walaupun semua ahli-ahli Majlis menentang akan sebarang cadangan yang dibuat. Ahli-ahli Majlis Perbandaran dan Majlis Tempatan hanyalah sebagai satu "*rubber stamp*" untuk pihak Kerajaan dan itulah sebabnya kami dari DAP telah berkali-kali menyeru supaya mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan di mana ahli-ahli majlis yang dipilih akan terus bertanggungjawab kepada pembayar cukai dan bukan kepada parti pemerintah di mana sekarang ini perlantikan untuk ahli-ahli Majlis Perbandaran sekarang ini hanyalah dengan sokongan dan kesetiaan yang mem-

babi buta kepada Ketua-ketua Parti mereka.

Kesemua cadangan kenaikan kadar taksiran akan dibawa ke peringkat Negeri untuk kelulusan dan jika sekiranya Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, MCA dan Gerakan betul-betul jujur dan ikhlas untuk menolong rakyat, Dewan ini adalah tempat yang paling sesuai untuk mereka membuat bantahan. Saya dengan ini menyeru semua Ahli-ahli Dewan ini dari MCA dan Gerakan – jika sekiranya mereka benar-benar ikhlas dan untuk membuktikan bahawa mereka berbuat sesuatu tidak hanya cakap-cakap seperti apa yang mereka temakan “*triple unity*” supaya bersama-sama saya dan Parti DAP untuk menggesa Kerajaan Negeri menolak cadangan kenaikan kadar taksiran yang dicadangkan oleh kedua-dua Majlis Perbandaran di dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Saya seterusnya menyeru Y.A.B. Ketua Menteri untuk menolak cadangan kenaikan kadar taksiran yang dibuat oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai, oleh kerana cukai yang lebih kepada orangramai di masa kesusahan seperti keadaan hari ini akan hanya membawa kesusahan dan penderitaan kepada mereka. Lagi pun kenaikan kadar cukai ini hanya akan menyelesaikan masalah defisit setiap tahun ini buat sementara saja. Usaha-usaha mestilah dibuat untuk menambahkan hasil pendapatan Negeri dan salah satu darinya adalah menerusi *non-revenue receipt* kepada pemberian kiraan kepala atau *capitation grants* kepada Kerajaan Negeri dari Kerajaan Pusat.

Untuk mendapatkan peruntukan yang lebih dari Kerajaan Pusat Kerajaan Negeri dan Y.A.B. Ketua Menteri Dr. Lim Chong Eu mestilah menggesa satu kajian terhadap *capitation grants* yang tidak adil yang berpandukan panduan menurun (*sliding scale*) seperti yang tercatat di dalam Per-kara 10 di dalam Perlembagaan Malaysia. Buat masa ini panduan menurun bagi pemberian kiraan kepala kepada setiap negeri

lebih kepada negeri-negeri yang bilangan penduduknya kecil. Semakin besar bilangan penduduk bagi sesebuah negeri semakin besar jumlah cukai yang dikutip oleh Kerajaan Pusat dan sebagai ganti diberikan *capitation grants* atau pemberian kiraan kepala yang lebih kecil jumlahnya.

Y.A.B. Ketua Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang bekalan semalam telah menyatakan bahawa beliau telah selalu menyatakan beberapa tahun lalu di Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri mestilah meminta lebih peruntukan dari Kerajaan Pusat dan bahawa beliau telah juga mencadangkan supaya Kerajaan Negeri sepatutnya diberi sebahagian dari hasil pendapatan dari Negeri Pulau Pinang seperti cukai jalan, tol jambatan dan cukai servis dari hotel dan perkhidmatan penyediaan makanan.

Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri mestilah sedar bahawa bercakap dan mencadangkan saja tidak cukup. Sesiapa juga boleh bercakap dan meminta pendapatan lebih, tetapi soalnya sama ada kita boleh mendapat apa yang kita pinta. Oleh yang demikian, sebagai Ketua Eksekutif Kerajaan Negeri, adalah menjadi tanggungjawab beliau untuk memastikan apa jua yang diminta oleh Kerajaan Negeri didapati, kita mesti berupaya untuk mendapatkan apa yang kita minta atau melawan untuk mendapatkannya. Tuan Speaker, melawan yang saya maksudkan bukan melawan secara fizikal tetapi dengan mengemukakan satu kes yang kuat kepada Kerajaan Pusat untuk mendapatkan apa yang kita minta. Saya pasti Kerajaan Pusat mendapat jumlah wang yang banyak menerusi cukai dari rakyat dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan adalah adil jika kita mendapat jumlah bahagian *capitation grants* yang lebih besar.

Tuan Speaker, hasil cukai tanah masih menjadi pendapatan dari cukai yang terbesar dan untuk tahun 1984 anggaran pendapatan bagi cukai tanah akan berjumlah \$16 juta iaitu pertambahan sejumlah \$5 juta dari tahun 1983. Anggaran pertamba-

han dari cukai tanah adalah tidak bermakna kepada Kerajaan jika tunggakan dibiarkan terus bertambah oleh kerana ianya akan hanya tertulis di atas kertas bahawa kita akan menerima sebanyak itu dari cukai tanah. Semasa membentangkan Belanjawan tahun 1983 Y.A.B. Ketua Menteri telah memberitahu Dewan ini bahawa tunggakan dari hasil tanah akan berjumlah sebanyak \$8 juta pada penghujung tahun 1982, dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk mendapatkan balik sekurang-kurangnya 25 peratus dari tunggakan tersebut. Dari laporan-laporan, saya difahamkan bahawa peratus seperti yang dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri itu tidak dapat dicapai dan setelah hampir setahun Kerajaan Negeri hanya sedang dalam proses mengumpul bilangan pehutang-pehutang yang berhutang \$10,000.00 dan ke atas. Mengambil masa hampir setahun untuk mengumpulkan senarai (*list*) pehutang-pehutang hasil tanah tidaklah melambangkan sebarang kecekapan dan *efficient* Kerajaan Negeri dan saya menggesa supaya tindakan yang segera diambil untuk mengadakan lebih kecekapan (*efficiency*) oleh kakitangan Kerajaan untuk mendapatkan balik tunggakan yang begitu besar jumlahnya dari hasil pendapatan negeri yang mana boleh digunakan bagi melaksanakan beberapa projek di dalam Negeri ini. Dari ucapan Y.A.B. Ketua Menteri semalam, tunggakan tersebut telah bertambah kepada \$9 juta.

Tuan Speaker, untuk tahun 1984, kita menganggarkan untuk mendapatkan \$49,802,500.00 dari pendapatan cukai dan pendapatan tanpa cukai yang mana menunjukkan pertambahan sejumlah \$5,571,320.00 ataupun 12.5 peratus lebih dari tahun 1983. Malangnya, walaupun terdapat pertambahan dari segi pendapatan hasil, perkhidmatan yang diberikan oleh beberapa pihak berkuasa negeri tetap penuh dengan masalah yang masih tidak berubah.

Salah satu dari masalah tersebut ialah masalah penjaja-penjaja di Negeri ini. Penubuhan satu Jawatankuasa yang kuat atau

"*high-powered committee*" seramai 7 orang oleh Kerajaan Negeri yang diketuai oleh Ahli Exco yang bertanggungjawab ke atas Kerajaan Tempatan, untuk mengkaji akan segala masalah penjaja-penjaja di Padang Tembak dengan kuasa penuh untuk menyelesaikan segala masalah penjaja adalah satu langkah yang amat baik. Penubuhan Jawatankuasa tersebut untuk menyelesaikan masalah penjaja ini seharusnya dibuat dulu lagi, namun demikian ianya masih belum terlambat.

Jawatankuasa tersebut mestilah bukan saja akan mengkaji dan menyelesaikan masalah penjaja-penjaja di Padang Tembak tetapi juga menyeluruh kepada seluruh penjaja Negeri ini supaya dapat diadakan satu solusi dan cara penyelesaian buat jangka masa panjang. Penjaja-penjaja di dalam Negeri ini telah lama dibiarkan dan tidak diperdulikan oleh Kerajaan Negeri dan pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang membawa segala kebantuan dalam mengatasi masalah penjaja-penjaja ini. Adalah satu ketidak efisien yang paling ketara bagi pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang mengambil masa lebih 4 tahun untuk mengkaji segala masalah penjaja di Negeri ini dengan tiada satu rancangan yang konkrit untuk menyelesaikannya dibuat. Kenyataan oleh Pengerusi Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengenai pembekuan terus dalam pemberian lesen-lesen penjaja, adalah satu tindakan yang tidak bertanggungjawab dan menghalang hak-hak orang ramai untuk menjalankan perniagaan sebagai penjaja untuk mencari nafkah hidup.

Tuan Speaker, Majlis Perbandaran Pulau Pinang yang gagal untuk menyelesaikan masalah penjaja-penjaja ini telah mengambil tindakan terhadap penjaja-penjaja yang tidak berlesen dan penjaja-penjaja bergerak (*itinerant hawkers*) tanpa memperdulikan sama ada mereka dan keluarga mereka mempunyai cara lain untuk mencari nafkah. Boleh jadi mereka ada melanggar setengah-setengah peraturan dan undang-undang tetapi mereka berbuat begitu adalah disebabkan mereka ingin

mencari nafkah hidup dengan cara yang jujur. Tindakan undang-undang yang diambil terhadap mereka oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak bermakna ianya satu keadilan sosial. Dakwaan demi dakwaan terhadap penjaja-penjaja yang tidak berlesen dan penjaja-penjaja bergerak boleh jadi satu keadilan dari segi undang-undang kepada Kerajaan, tetapi terang-terang tidak adil dari segi keadilan sosial terhadap rakyat biasa yang hanya mahu mencari nafkah secara jujur.

Masalah penjaja-penjaja ini mestilah diselesaikan mengikut konsep keadilan sosial yang unggul di dalam fikiran pihak berkuasa Kerajaan dan tidak hanya menguatkuasakan undang-undang dan aturan-aturan yang *strict* sahaja. Malah masalah sosial ini tidak seharusnya disamakan sebagai perkara-perkara jenayah. Kerajaan Negeri mesti mengambil perhatian terhadap perkara ini secara serius dan memorandum mengenai masalah penjaja-penjaja di dalam Negeri dari Persatuan Peniaga-peniaga Kecil Pulau Pinang pada 2hb. Jun tahun ini kepada Ketua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, dengan salinan kepada Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Ketua Menteri itu mestilah diambil perhatian yang serius dan isi kandungannya mestilah dianggap mustahak dan dihormati.

Tuan Speaker, akhirnya Dewan yang mulia ini diminta untuk meluluskan sejumlah \$77,526,450.00 yang akan dikeluarkan dari kumpulan wang yang disatukan untuk perkhidmatan kepada orang-ramai di Negeri ini untuk tahun 1984. Jumlah yang besar ini adalah wang dari pembayar cukai dan Kerajaan Negeri sebagai penjaga kepada wang ini adalah diharapkan supaya membelanjakan wang tersebut dengan bijak dan cermat, untuk kepentingan rakyat dan untuk mendapatkan faedah-faedah ekonomi dan sosial bagi rakyat Negeri ini.

Saya amat berharap agar pandangan dan cadangan-cadangan saya tersebut tidak akan dibiarkan dan akan diambil kira oleh

kerana Kerajaan yang baik akan mendengar dan menerima nasihat jika ianya baik tanpa mengira dari pihak mana walaupun dari pembangkang dan tidak merasa enggan untuk menerima pandangan dari pembangkang.

Tuan Speaker, sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik Teoh Kooi Sneah):

Tuan Speaker, saya ADUN dari Kawasan Sungai Bakap bangun di sini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1984, yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari kelmarin, 19hb Disember, 1983, di Dewan ini. Di samping itu, inginlah saya untuk mengambil bahagian membahaskan serta memberi pandangan terhadap beberapa perkara tertentu, yang ada hubungan dengan perbekalan 1984.

Datuk Speaker, para Pegawai Tinggi Jabatan Parit dan Taliair didapati lebih banyak menghasikan masa bertugas di bilik berhawa dingin di pejabat sahaja. Kerja-kerja di luar pejabat seperti membuat tinjauan, siasatan atau kaji selidik dalam sesuatu perkara berkenaan tukar syarat tanah contohnya serta lain-lain perkara tertentu kurang sekali diberi perhatian. Ekoran dari itu, lebih menampakkan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Parit dan Taliair lebih berminat dengan hanya memberi pandangan di atas kertas sahaja terhadap sesuatu permohonan yang dimajukan, khususnya berkenaan tukar syarat tanah. Dalam persoalan begini, jika dengan hanya duduk di pejabat sahaja tanpa melihat sendiri tentang keadaan serta kedudukan tanah di satu-satu tempat sama ada dalam kawasan kampung, bandar ataupun di luar kawasan kampung atau bandar mahupun pekan, sama ada tanah itu rendah (*flat land*) ataupun tanah bukit, sudah pastilah segala gambaran atau pengakuan yang akan diberi itu tidaklah begitu tepat.

Sebagaimana yang diketahui umum, keadaan tanah di sebahagian besar Daerah

Seberang Perai Selatan adalah tanah bukit, khasnya di kawasan pekan Sungai Bakap. Tapi yang peleknya apakala tanah-tanah di kawasan begini dimajukan permohonan untuk menukar syarat tanah bagi sesuatu projek pembangunan yang menguntungkan, pihak Jabatan Parit dan Taliair hanya lebih memberatkan kepada perkara-perkara seperti pelan-pelan teknik yang banyak berkenaan tanah tersebut di samping syarat-syarat lain yang ditentukan serta perkara remah-temeh dan menemuramah orang-ramai di kawasan di mana permohonan tukar syarat tanah dimajukan. Sungguhpun begitu segala-galanya hanya diketahui berlaku di atas kertas sahaja melalui gambaran surat-menyurat ataupun laporan yang dikehendaki. Cara yang demikian ini boleh melambatkan proses kelulusan tukar syarat tanah di satu-satu tempat atau kawasan bagi tujuan perusahaan di mana dapat melahirkan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan. Kelewatan begini bukan sahaja merugikan, malahan melambatkan pembinaan sesuatu projek perusahaan, di samping meningkatkan pula kos perbelanjaan projek tersebut. Sebaliknya jika pegawai-pegawai Jabatan Parit dan Taliair sendiri bertindak cepat dengan membuat tinjauan atau siasatan tentang kedudukan atau keadaan tanah yang dimajukan permohonan ini bagi menukarkan syarat kegunaannya, sudah pasti segala masalah memproseskannya dapat disegerakan. Dalam persoalan ini tindakan segera pihak Jabatan Parit dan Taliair, patutlah diberi keutamaan demi kepentingan pembangunan dan kemajuan negara.

Tuan Speaker, di bawah maksud Bekalan 4, anggaran perbelanjaan untuk Jabatan Parit dan Taliair sebanyak \$390,750.00 sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perbekalan 1984 dalam memperbaiki keperluan Parit dan Taliair di luar bandar adalah suatu cadangan yang baik. Oleh itu adalah diharapkan kepada Jabatan Parit dan Taliair agar dapat memberi tumpuan yang lebih dalam menjalankan gerak kerjanya bagi membersihkan serta mendalamkan parit-parit Jabatan Parit dan

Taliair yang terdapat di Daerah Seberang Perai Selatan, khasnya di kawasan Sungai Bakap di mana sejak akhir-akhir ini dilaporkan keadaannya semak dan cetek. Apakala tiba musim hujan, air tidak dapat mengalir ke sungai dengan baik dan menyebabkan melempah ke kawasan-kawasan tanaman getah, kelapa sawit, kelapa dan lain-lain tanaman. Keadaan yang berlaku ini sedikit sebanyak merosakkan tanaman dan ini merugikan dari segi ekonomi rakyat. Jika dibiarkan berterusan, mungkin keadaan akan lebih buruk lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Speaker, dalam pemerintahan bercorak demokrasi berparlimen, Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri akan sentiasa mengadakan persidangannya dari masa ke semasa. Tujuannya bagi mengukur sejauh manakah kemajuan yang telah tercapai, di samping menentukan garis panduan yang lebih baik mengenai corak pentadbiran serta pelaksanaan perancangan pembangunannya demi faedah kemajuan Kerajaan dan rakyat jelata. Tetapi dikira agak sungguh malang oleh kerana didapati banyak perkara penting yang disuarakan oleh Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini di masa lalu kurang sekali diambil perhatian berat serta dapat pula dilaksanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan, sebagaimana yang diputuskan oleh Dewan ini. Berikutan dari itu lebih menampakkan masa dan tenaga ADUN kebanyakannya dipersia-siakan sahaja. Sama ada disedari atau tidak keseimbangan sudah tentu semakin terbayang di hadapan kita. Sekiranya suasana yang wujud ini dibiarkan berterusan dan harapan serta impian oleh sebilangan besar rakyat di Negeri ini, melalui ADUN yang dipilih dalam menyuarakan hasrat mereka di Dewan yang mulia ini tidak pernah dipraktikkan, ini sudah tentu sedikit sebanyak akan meninggalkan kesan yang kurang baik di hati dan sanubari kalangan rakyat jelata. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita perlu menyedari di mana setiap lima tahun sekali, kuasa akan dipulangkan kepada rakyat untuk membuat penentuan, bentuk serta

corak Kerajaan. Dalam perkara ini saya sungguh berasa bimbang dengan sikap pihak-pihak yang berkenaan dalam Kerajaan yang kurang memberi perhatian berat atas perkara-perkara tertentu yang disuarakan untuk kepentingan rakyat. Maka secara langsung ini akan mendorong rakyat jelata dalam sesebuah negeri atau negara hilang keyakinan mereka terhadap kebaihan sistem demokrasi berparlimen. Kalau-lah oleh tindakan yang kurang bertanggungjawab sepertimana yang berlaku sekarang membuatkan rakyat sudah tidak percaya lagi kepada demokrasi berparlimen apa akan terjadi kepada negara kita ini? Sudah pasti demokrasi yang menjadi amalan kita selama ini, akan tergugat dan akhirnya akan membawa kepada kehancuran.

Tuan Speaker, bagi kita sekalian perkara begini tidaklah boleh dipandang ringan atau buat tak kisah sahaja. Sebaliknya sebelum keadaan sedemikian berlanjutan serta di waktu seluruh rakyat jelata masih lagi patuh kepada sistem demokrasi berparlimen dan sanggup pula mempertahankannya, maka difikirkan elok sekali segala persoalan, walaupun tidak kesemuanya yang disuarakan oleh Ahli-ahli Dewan ini bagi pihak rakyat di Dewan ini diambil kira untuk diberi perhatian serta pertimbangan yang sewajarnya. Dengan itu dicadangkan supaya sebuah Jawatankuasa Bertindak dapat dibentuk untuk menimbang dan meneliti segala persoalan rakyat yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini pada setiap kali diadakan persidangan. Semoga dengan cara ini tindakan selanjutnya dapat diambil dalam mengatasi keadaan yang dihadapi buat masa kini.

Tuan Speaker, apa yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, di akhir ucapan semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1984 pada hari semalam telah menyentuh mengenai Ahli-ahli Dewan yang dipilih oleh rakyat, supaya hendaklah sentiasa digerak oleh slogan kempen "Kepimpinan Melalui Teladan". Sebenarnya Ahli-ahli Dewan yang ada pada hari ini

memang diakui sentiasa mengamalkan slogan tersebut serta menunjukkan semangat kerja yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab sosial dengan penuh keazaman, bagi menegakkan keamanan dan keselamatan serta ditambah oleh keharmonian dalam memupuk serta menjalinkan perpaduan di kalangan rakyat. Ini bukan sahaja dalam menjayakan usaha-usaha pembangunan, malah untuk menjamin yang Kerajaan akan sentiasa mendapat sokongan daripada rakyat jelata. Tetapi bagaimana dengan ketidaklicinnya Jentera Pentadbiran Kerajaan, kami juga yang bertanggungjawab menerapkan nilai-nilai Kepimpinan Melalui Teladan serta bekerja dengan penuh rasa tanggungjawab di kalangan kakitangan Jentera Pentadbiran Kerajaan.

Tuan Speaker, sejak kebelakangan ini kesilapan dalam susunan protokol telah mengakibatkan Wakil-wakil Rakyat yang terdiri dari ADUN tidak lagi dihormati sehingga merendahkan kedudukan (*status*) ADUN pada pandangan orang ramai. Kesilapan yang diamalkan selama ini secara langsung membuatkan kedudukan serta status ADUN dipandang begitu rendah dari kedudukan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dan Datuk-datuk. Menurut apa yang diamalkan sekarang dalam sesuatu majlis rasmi Kerajaan, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri diletakkan di barisan Ahli-ahli Exco dan pembesar-pembesar seperti Datuk-datuk serta Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan sedangkan jika diikuti susunan protokol sebenarnya, adalah berlainan sama sekali dengan apa yang diamalkan, sebagaimana yang disebutkan tadi. Tuan Speaker, bagi seluruh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri persoalan ini dianggap sebagai sesuatu yang serious dan memalukan. Oleh itu sesuatu tindakan ke arah membetul hendaklah diambil dengan seberapa segera yang boleh. Sebaliknya jika dibiarkan terus berlaku, kemungkinan besar semua Ahli-ahli Dewan yang ada akan bertindak balas dengan memulau terus kesemua Majlis-majlis Kerajaan. Dalam perkara ini kita juga harus sedar, Ahli-ahli Dewan dipilih oleh rakyat, sedangkan Datuk-datuk hanya se-

bagai penghormatan. Demikian juga Pegawai-pegawai Kerajaan oleh pentadbiran.

Tuan Speaker, lagi satu masalah ialah di Kompleks Tun Abdul Razak di mana tidak langsung disediakan atau diberi tempat letak kereta, demi memberi kemudahan kepada ADUN. Kami Ahli-ahli Dewan belum mendapat kemudahan meletak kereta dengan percuma di kompleks itu sedangkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memberi kemudahan tersebut kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kesulitan ini akan timbul bilamana ADUN membuat kunjungan ke pusat pentadbiran Negeri di sana nanti. Sudah itu, suasana yang ada sekarang di kompleks tersebut didapati begitu sesak serta sibuk sekali; keadaannya yang kelam-kabut, seolah-olah tidak mempunyai sebarang peraturan tertentu. Harap pihak Kerajaan Negeri dapat mengarahkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang supaya dapat mengatasi dengan apa yang sedang berlaku di KOMTAR itu sekarang.

Tuan Speaker, bagi rakyat berbagai keturunan seperti di negara kita Malaysia, sudah tentu mempunyai fahaman agama yang berlainan atau berbeza antara satu golongan dengan yang lainnya. Demikian juga halnya dalam persoalan kedudukan tanah perkuburan masing-masing, yang cara pengurusannya berlainan di antara satu dengan lain. Bagi orang-orang Melayu contohnya, tanah perkuburan mereka dalah ditetapkan sebagai tanah wakaf dan diserahkan penjagaannya kepada pentadbiran sesebuah masjid dengan pengawasan oleh Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri. Begitu juga halnya dengan tanah perkuburan orang-orang India, yang disediakan oleh orang-orang tertentu. Lain pula dengan tanah perkuburan orang-orang Cina. Di mana sebelum ini dipegang atau dimiliki oleh orang-orang perseorangan ataupun swasta. Tetapi kini telah berlaku perubahan di mana pihak swasta telah bersetuju untuk menyerahkan atau memindahkan hak milik kepada Pertubuhan Kebajikan Orang-orang

Cina dan juga kepada Persatuan Tokong-tokong Cina. Dengan proses tersebut yang menjadi harapan kepada pihak Jawatankuasa Pertubuhan Kebajikan Orang-orang Cina ataupun kepada Jawatankuasa Persatuan Tokong-tokong Cina, khasnya daripada kawasan Sungai Bakap supaya pihak berkenaan dapat mempercepatkan proses memindah lesen milik tanah-tanah perkuburan tersebut, dari pihak swasta kepada milik pertubuhan atau persatuan yang dinyatakan tadi. Ini adalah semata-mata bagi melicinkan pengurusan dalam mengatasi masalah yang bakal timbul.

Tuan Speaker, sekian sahaja dan terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari.

Dewan bersidang semula pada jam 2.35 petang.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada hari kelmarin dan juga di sini saya ingin menyokong dengan sepenuhnya seruan Y.A.B. Ketua Menteri dan Kerajaan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan supaya dapat meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan dan daya pengeluaran mereka. Tetapi, Tuan Speaker, di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh bahawa saya rasa ada satu Jabatan yang mana saya rasa prestasi pentadbirannya telah jatuh dan saya harap boleh ditingkatkan pada masa yang akan datang dan Jabatan itu ialah Bahagian Kebun Bunga.

Tuan Speaker, apa yang saya kata tadi boleh dibayangkan dari berbilang sungutan dan aduan yang kita dapat dengar dari

orang-orang awam, dari pelawat-pelawat asing dan juga dari badan-badan seperti SAM (Sahabat Alam Malaysia). Kita mendapati bahawa Kebun Bunga boleh dikatakan dalam keadaan ketinggalan atau dengan izin, Tuan Speaker, *in a neglected state*. Keadaan Kebun Bunga hari ini sangatlah dikesalkan. Pokok-pokok ditinggalkan sehingga mati atau dimakan oleh anai-anai.

Tuan Speaker, selaras dengan usaha Kerajaan Negeri dalam pelancongan atau dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong ke Negeri kita, kita haruslah meningkatkan kedudukan atau keadaan yang kita ada di Kebun Bunga hari ini dan pentadbirannya harus disusun semula. Pada masa sekarang Tuan Speaker, di Negeri kita selain dari Kebun Bunga kita juga mempunyai taman-taman dan tempat-tempat rekreasi dan lain-lain seperti Rimba Rekreasi, seperti tempat-tempat perkelahan di pantai dan pada masa akan datang kita akan mempunyai satu taman haiwan (*zoo*) dan kita mendapati juga bahawa sebahagian daripada Pantai Keracut akan diwartakan atau digazetkan sebagai satu Taman Simpanan Negeri di masa yang akan datang.

Jadi, kita di Negeri ini akan mengadakan beberapa buah taman dan tempat-tempat rekreasi dan saya rasa haruslah barangkali sudah sampai masanya Kerajaan Negeri kita menimbang sama ada perlu atau tidak perlu kita mewujudkan satu jabatan yang mana di bawah pentadbirannya kita boleh menyatukan pentadbiran taman-taman yang kita punyai dan akan mempunyai pada masa yang akan datang. Barangkali jabatan ini boleh dijadikan Jabatan Taman-taman dan tempat-tempat rekreasi di Negeri kita yang mana kita boleh menjalankan aktiviti-aktiviti yang meliputi pentadbiran semua taman-taman ini dan mencari jalan untuk meningkatkan prestasi atau kedudukan keadaan taman-taman ini termasuk taman Kebun Bunga kita dan saya rasa Kerajaan Negeri boleh menerima cadangan saya ini.

Tuan Speaker, pada pagi ini kita telah mendengar sedikit sebanyak Yang Berhormat Ahli dari kawasan Pengkalan Kota yang mana beliau telah menimbulkan masalah cadangan kenaikan hasil pintu oleh Majlis-majlis Perbandaran. Kita telah dengar dengan begitu panjang ucapan beliau tentang masalah ini. Saya rasa apa yang beliau tadi membangkitkan dengan jelasnya dicerminkan dalam soalan yang saya kemukakan pada Dewan ini pada hari pertama yang mana kita telah mendapat jawapan dari Yang Berhormat yang berkenaan bahawa Kerajaan Negeri sedang menimbang cadangan kenaikan hasil pintu ini. Jadi di sini, Tuan Speaker, saya ingin menyatakan bahawa rakan-rakan saya di sebelah sini telah juga pada masa-masa lepas membangkitkan perasaan kita. Dalam surat khabar ada, dalam lain-lain majlis pun ada, yang mana kita telah melafazkan perasaan, pendapatan dan pandangan kita terhadap cadangan kenaikan hasil pintu oleh kedua-dua Majlis ini. Tetapi apa harus kita faham, Tuan Speaker, ialah rakan-rakan kita di sini mengikuti juga satu sistem demokratik dan kita juga mempunyai peluang untuk membangkitkan perasaan kita untuk menyuarakan perasaan penduduk dan rakyat kita. Kita — rakan-rakan saya dan saya juga — telah menunjukkan perasaan kita terhadap masalah kenaikan hasil pintu ini dan kita di sini percaya bahawa soalan yang kita bangkitkan pada masa yang dahulu dan juga telah kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini akan diberi pertimbangan dan perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang berkenaan. Kita ada juga kepercayaan kepada pucuk pimpinan kita dan kita harap bahawa pihak yang berkenaan akan membuat keputusan yang arif selepas memberikan pertimbangan kepada semua segi. Tuan Speaker, itulah ucapan ringkas saya dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1984.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Tan Chong Teik):

Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan tahun 1984 dan mengambil bahagian dalam perbahasan. Dalam ucapan Y.A.B. Ketua Menteri kelmarin kita sedia maklum bahawa pada tahun ini kita anggarkan belanjawan kekurangan sebanyak \$4.4 juta, tetapi saya yakin pihak Kerajaan bolehlah mengawal dengan sempurna pentadbiran Negeri dan juga perbelanjaan wang yang telah diperuntukkan untuk tujuan-tujuan yang tertentu, oleh kerana pada tahun lepas sungguhpun kita membawa satu anggaran belanjawan kekurangan lebihkurang \$3.8 juta tetapi kita telah difahamkan bahawa hingga hujung tahun ini barangkali pihak Kerajaan Negeri tidak ada belanjawan kekurangan. Ini bermakna pihak Kerajaan bolehlah mengawal belanjawan Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri dan juga Kerajaan kerana akan mengambil tindakan yang keras terhadap tunggakan cukai tanah yang sekarang berjumlah lebihkurang \$9 juta yang belum diselesaikan oleh tuan-tuan tanah di Negeri Pulau Pinang. Saya harap tiap-tiap rakyat di Negeri Pulau Pinang bolehlah mengikut satu kempen "Kepimpinan Melalui Teladan" dan menunjukkan satu semangat bertanggungjawab. Apa yang perlu dibayar kepada pihak Kerajaan hendaklah cepat diselesaikan. Jikalau tidak barangkali kewangan Kerajaan Negeri akan lemah dan projek pembangunan akan ditangguhkan. Di sini saya juga hendak membangkitkan bahawa apa-apa bayaran yang perlu dibayar balik kepada pihak rakyat oleh Kerajaan mestilah diselesaikan dengan secepatnya juga.

Tuan Speaker, satu lagi hasil Kerajaan yang saya ingat ada tunggakan yang lebih ialah di pihak Bahagian Perumahan yang saya telah difahamkan tunggakan bayaran sewa rumah kos rendah Kerajaan sekarang ini berjumlah berjuta-juta ringgit. Saya harap pihak yang berkenaan akan

mengikut pihak Jabatan Tanah dengan mengambil tindakan yang keras untuk mengutip balik hasil-hasil yang saya sebutkan tadi.

Dalam anggaran perbelanjaan, kami nampak pihak Jabatan Parit dan Taliair mendapat kenaikan 7% peruntukan untuk perbelanjaan (lebihkurang \$390,000.00). Saya harap pihak Jabatan Parit dan Taliair akan sentiasa mengawal masalah banjir di Negeri Pulau Pinang ini sebab baru-baru ini pada 24hb Oktober sungguhpun jawapan telah diberi kepada saya, saya ingat ini tanggungjawab saya kepada penduduk-penduduk yang telah terlibat, khasnya di kawasan Sungai Nibong yang mana di Bayan Baru, Relau, Jalan Tengah, Sungai Ara dan lain-lain sedang menghadapi masalah banjir. Kita semua tahu bila hujan akan turun. Jadi saya harap pihak Jabatan Parit dan Taliair akan mengadakan satu jadual untuk mendalamkan dan membesarkan sungai-sungai dan parit-parit terlebih awal daripada bulan-bulan bilamana hujan akan turun lebat supaya banjir tidak berlaku, kerana apabila banjir berlaku harta rakyat kita termasuk nyawa rakyat kita adalah dalam bahaya.

Saya akan memberi satu contoh iaitu di Kampong Relau ada seorang petani yang telah mendapat ayam-ayam kecil lebihkurang 8,000 ekor dua hari sebelum banjir berlaku pada 24hb Oktober, 1983. Jadi selepas banjir itu semua ayam telah mati dan memberi kerugian yang banyak kepada petani.

Saya telah difahamkan juga pihak Jabatan Parit dan Taliair sekarang mengambil berat untuk mengawal taliair bagi tujuan pertanian. Pada pandangan saya sungguhpun taliair itu adalah untuk pertanian, jikalau kita tidak mengawal air dalam sungai dan taliair tersebut, jikalau taliair itu tidak boleh membawa air kepada petani, mereka akan mendapat kesusahan tetapi sebaliknya jikalau sungai-sungai tidak dikawal dengan baik, banjir akan berlaku dan membahayakan nyawa dan harta rakyat Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, kelmarin kita telah dengar daripada pihak pembangkang yang sekarang telah hilang daripada Dewan ini, yang mana dalam soalan mulutnya kepada Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pengerusi telah menjawab dengan "Ya" sahaja. Saya ingat Ahli Kawasan Bukit Glugor hanya menunjukkan kebodohan sendiri apabila beliau membangkitkan perkara ini sebab ini menunjukkan pihak pembangkang tidak tahu membuat soalan tambahan. Mereka duduk diam-diam dan sedia menerima apa yang telah dijawab.

Tuan Speaker, tadi kita juga telah mendengar daripada Ahli Kawasan Pengkalan Kota berkenaan dengan hasil pintu yang akan dinaikkan oleh kedua-dua Majlis Perbandaran. Tadi kawan saya dari Bagan Jermal telah memberikan pandangan dan saya juga ingin tambah sedikit. Ahli dari Pengkalan Kota telah mengkritik pihak M.C.A. dan pihak Gerakan tetapi beliau tidak berani mengkritik pihak UMNO atau M.I.C. Semangat yang ditunjukkan itu saya rasa tidak payah sebab beliau mestilah mengikuti persidangan Dewan yang berjalan kelmarin. Sungguhpun Ahli-ahli Majlis membangkang di atas kenaikan ini, tetapi pihak kami di sebelah sini mengikuti peraturan-peraturan Dewan yang mana perkara-perkara ini akan dibawa kepada pihak atasan dan saya yakin pihak Kerajaan Negeri akan membuat satu keputusan yang adil dan tidak boleh membawa kesusahan kepada rakyat kita.

Akhir sekali, Tuan Speaker, saya juga hendak menambahkan rayuan yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri kepada Kerajaan Persekutuan berkenaan dengan hasil yang didapati daripada Negeri Pulau Pinang. Pada tahun ini Kerajaan Pusat telah mengutip lebihkurang \$10 juta sebagai *service tax* dari rumah tumpangan. Saya ingat pada masa hadapan, tiap-tiap tahun akan membawa tambahan yang lebih sebab beberapa buah hotel akan dibina di Negeri Pulau Pinang. Di samping itu, cukai jalan dan saya ingat sebahagian dari cukai pendapatan rakyat Negeri Pulau Pinang

tidaklah digunakan bagi faedah rakyat Pulau Pinang. Saya harap pihak Kerajaan Pusat akan mengambil berat atas cadangan dan rayuan daripada Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubok (Encik Lim Heng Tee):

Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1984.

Tuan Speaker, anggaran belanjawan tahun 1984 telah memperuntukkan jumlah hasil sebanyak \$73,120,920.00 terhadap jumlah belanja mengurus sebanyak \$77,526,450.00 dan telah mengakibatkan satu kekurangan (*deficit*) sebanyak \$4,405,530.00. Dalam anggaran belanjawan tahun 1983 kekurangan sebanyak \$3.8 juta telah dianggarkan. Kita telah diberitahu bahawa akibat dari cermatnya pengurusan Pihak Berkuasa Negeri telah mencapai satu perbelanjaan seimbang (*balanced budget*). Ini adalah satu kejayaan yang terpuji dan diucapkan tahniah. Kita berharap bahawa di bawah pimpinan yang cekap Y.A.B. Ketua Menteri, Pihak Berkuasa Negeri akan terus berusaha bersungguh-sungguh untuk mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu, pada seboleh-bolehnya, supaya kekurangan belanjawan sebanyak \$4.4 juta itu akan juga dielak atau diturunkan.

Kerajaan Negeri telah menunjukkan bahawa dengan bantuan kewangan yang perlu dari Kerajaan Pusat ianya akan melaksanakan semua matlamatnya dengan cekap dan sistematik. Apa yang kita perhatikan ialah dalam tahun-tahun yang lalu, umpamanya dalam jangka masa Rancangan Malaysia Yang Ketiga dan Keempat Negeri Pulau Pinang telah semakin kurang menerima bantuan kewangan dari Kerajaan Pusat, jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Mengikut hujah Kerajaan Pusat, Negeri Pulau Pinang adalah lebih maju, maka kita tidak memerlukan pertolongan yang banyak

seperti negeri-negeri lain yang tidak begitu maju. Memang kita juga sukacita jika negeri-negeri adik-beradik kita maju seperti Negeri Pulau Pinang, tetapi walau bagaimanapun jika Kerajaan Negeri Pulau Pinang lebih cekap dan rakyat Pulau Pinang lebih rajin bekerja, maka patutlah Negeri Pulau Pinang berhak untuk menerima sedikit keuntungan tambahan dari kejayaan dan pencapaiannya.

Umpamanya Pulau Pinang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk melaksanakan perusahaan pelancongan di mana kini telah menjadi satu perindustrian yang begitu penting di Pulau Pinang juga di Malaysia. Perindustrian pelancongan telah membawa perniagaan yang besar kepada hotel-hotel dan restoran-restoran serta perkhidmatan penyediaan makanan (*catering services*). Jumlah cukai perkhidmatan yang telah dikutip oleh Kerajaan Pusat dari hotel-hotel dan restoran perkhidmatan penyediaan makanan dijangka hampir \$10 juta pada tahun 1983. Oleh yang demikian, Tuan Speaker akan bersetuju dengan saya bahawa sebahagian dari \$10 juta itu patutlah dibahagi kembali kepada rakyat Negeri Pulau Pinang yang mana telah menyumbang bersama-sama atas kejayaan dalam bidang ini atau lain-lain, seperti juga rakyat Pulau Pinang membayar cukai jalan kepada Kerajaan Pusat setiap tahun.

Dalam tahun 1982 umpamanya, sejumlah \$40 juta telah dibayar. Sebaliknya saya ketahui bahawa jumlah geran-geran jalan (*road grants*) yang telah diperuntukkan kepada Pulau Pinang ialah cuma lebih kurang 10% sahaja dari jumlah cukai jalan yang telah dikutip. Apa telah terjadi kepada 90% yang lain?

Tuan Speaker sekali lagi akan bersetuju dengan saya bahawa Negeri Pulau Pinang berhak untuk menerima lebih banyak geran-geran jalan khususnya kini terdapat banyak jalan-jalan di Seberang Perai dan juga Pulau Pinang dalam Negeri yang sungguh buruk dan perlu diperbaiki dengan segera. Juga jambatan Pulau Pinang akan siap dibina tidak lama lagi. Diucapkan

terima kasih kepada Kerajaan Pusat atas kerjasama dan bantuan mereka. Selepas jambatan besar ini disiapkan, Kerajaan Pusat akan mulai mengutip tol jambatan yang mana ianya akan menjadi punca hasil kutipan yang begitu besar. Mengikut anggaran dalam masa 20 tahun ini, bayaran-bayaran dikutip akan mencukupi untuk membayar balik semua wang pelaburan yang dilabur atas projek jambatan ini dengan tanpa termasuk keuntungan lain kepada Kerajaan Pusat.

Jambatan ini, Tuan Speaker, adalah satu mimpi serta tanda kebanggaan rakyat Pulau Pinang, maka rakyat Pulau Pinang patutlah diberi penyertaan (*shares*) yang *significant*, dengan izin, dalam jambatan tersebut. Sebenarnya selepas 20 tahun apabila jumlah modal yang dilabur kepada jambatan tersebut telah mencukupi dikutip maka patutlah Kerajaan Pusat menyerahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya tol jambatan tersebut akan berfaedah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai satu punca pendapatan. Pesuruhjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) juga patut juga menerima Kerajaan Pulau Pinang sebagai rakan dan pemegang saham.

Tuan Speaker, saya menyebut semua ini untuk membuktikan satu perkara yang penting, iaitu Kerajaan Pusat patutlah atau secara moral memberi peruntukan kewangan yang lebih banyak kepada Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker, kita semua gembira memerhatikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berlaku dengan sungguh cekap atas pengurusan kewangannya untuk mengadakan satu pentadbiran yang sungguh cekap dan berkesan. Apabila jumlah hasil akan bertambah sebanyak \$11,293,520.00 manakala jumlah perbelanjaan mengurus pula akan bertambah sebanyak \$11,876,045.00, apa yang perlu diperhatikan di sini ialah pencapaian pertambahan dalam hasil itu bukan melalui mengenakan kadar-kadar cukai tambahan tetapi melalui pentadbiran yang sungguh

cekap seperti dalam kutipan cukai tanah. Wang simpanan (*saving*) yang besar dalam jumlah belanja mengurus itu telah dicapai melalui kekurangan perbelanjaan yang tidak perlu dan tidak penting seperti lawatan ke luar negeri, perayaan dan upacara yang besar dan lain-lainnya. Ini adalah satu pengurusan kewangan awam (*public finance*) yang sungguh baik di mana tidak menambahkan sebarang beban kepada rakyat terutamanya dalam waktu kemelesetan ekonomi ini.

Tuan Speaker, di bawah Kod 4100 bayaran pindaan Anggaran Perbelanjaan 1984 satu peruntukan sebanyak \$2,578,500.00 telah disediakan kepada Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Setiausaha Kerajaan untuk memberi sumbangan bantuan dan subsidi kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun, pertubuhan-pertubuhan Kebajikan Sukarela dan sebagainya.

Tuan Speaker, saya ingin merujuk kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Saya tidak begitu jelas berapakah jumlah bantuan kewangan yang akan diberi kepada kedua-dua Majlis ini tetapi satu perkara yang saya tahu bersungguh-sungguh ialah keadaan kewangan kedua-dua Majlis ini adalah lemah. Sebenarnya keadaan kewangan mereka tidak pernah menjadi baik sepanjang masa ini. Apabila sahaja mereka menghadapi masalah kesusahan kewangan, biasanya mereka memilih jalan yang mudah untuk mengatasinya, iaitu melalui menambah kadar-kadar taksiran cukai pintu, bayaran lesen-lesen dan lain-lain yang mana telah berlaku baru-baru ini. Apa yang tidak menyenangkan ialah kadar taksiran cukai pintu dan bayaran lesen-lesen telah bertambah tetapi sebaliknya perkhidmatan yang diberi oleh Majlis pula tidak pernah diperbaiki. Dalam beberapa kes perkhidmatan Majlis malah bertambah buruk misalnya dalam beberapa bulan lalu perkhidmatan pembersihan sampah-sarap dalam beberapa kawasan di Seberang Perai

Utara telah hampir berhenti. Sampah sarap bertimbun dan ditinggal tanpa dipedulikan berminggu-minggu. Tong-tong najis di beberapa kawasan bandar tidak dipungut selepas beberapa hari dan banyak lagi sungutan-sungutan lain.

Tuan Speaker, selepas memerhatikan perkhidmatan Majlis Perbandaran selama 8 tahun ini saya berasa bahawa mereka telah tidak berjaya. Tidak disyaki bahawa sebahagian besar usaha telah dibuat oleh beberapa Ahli Majlis Perbandaran dan juga kakitangan-kakitangan Majlis, tetapi dalam banyak kes usaha-usaha ini adalah tidak berkesan. Banyak keputusan telah diambil berdasarkan "*ad-hoc*",

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah bercakap besar bahawa ia sendiri adalah Majlis Perbandaran yang terbesar di seluruh dunia. Maknanya ialah ia mempunyai kawasan tanah yang besar di bawah bidangnya. Memang ia adalah terbesar tetapi adakah juga Majlis Perbandaran Seberang Perai paling cekap dan berkesan? Tidak, sebenarnya salah satu masalah yang utama yang dihadapi oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai hari ini adalah terlalu besar.

Tuan Speaker, di bawah sistem sekarang dengan adanya sekatan kewangan (*financial constraints*) nescaya M.P.S.P. tidak ada harapan untuk memperbaiki kecekapan dan dengan hasil yang *significant*, dengan izin.

Tuan Speaker, mungkin ada satu cara penyelesaian dalam hal ini iaitu pengagihan Kuasa Pusat (*decentralisation*) iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai yang ujud patut diganti atau dibahagi kepada tiga Majlis Perbandaran Daerah iaitu Majlis Perbandaran Seberang Perai Utara, Majlis Perbandaran Seberang Perai Tengah, dan Majlis Perbandaran Seberang Perai Selatan. Dengan kawasan yang lebih kecil untuk diuruskan, Majlis Perbandaran Daerah masing-masing berupaya untuk memberikan perkhidmatan yang lebih cekap, lebih

cepat dan penyeliaan yang mencukupi dan seterusnya lebih cekap dan berkesan. Dari segi pemotongan kos dan menggalak dari penduaan (*duplication*) adalah juga dicadangkan bahawa Majlis Perbandaran yang wujud sekarang dibatalkan dan semua tugas serta perkhidmatan yang berlainan ditarik kepada beberapa jabatan Kerajaan Negeri dan Pusat yang wujud seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Kesihatan, Perbendaharaan dan lain-lain.

Tuan Speaker, sila rujuk balik kepada Anggaran Belanjawan tahun 1984. Perkara utama mengakibatkan penambahan dalam hasil ialah dalam cukai tanah di mana lebih kurang \$16 juta akan dikutip bagi tahun 1984. Kita tahu bahawa jumlah penambahan yang telah banyak ini bukan datang dari kenaikan kadar cukai-cukai tanah, tetapi lebih tepat adalah akibat dari tindakan yang positif serta kecekapan dari Pihak Berkuasa Negeri bersama-sama dengan Jawatankuasa Tanah yang diketuai oleh Yang Berhormat Datuk T. Subbiah juga pegawai-pegawai di dalam pejabat tanah. Kepada mereka semua diucapkan tahniah dan syabas.

Tuan Speaker, sebahagian jumlah \$16 juta tersebut telah diperolehi dari pengumpulan wang tunggakan. Dalam jangka masa yang panjang wang tunggakan cukai tanah telah menjadi satu ciri yang lemah dalam kewangan Negeri, maka adalah sesuatu untuk Pihak Berkuasa Negeri bertindak dengan positif dan tegas terhadap tuan-tuan tanah yang tidak memenuhi kewajipan mereka, khasnya ikan-ikan besar yang mana telah mengambil faedah atau keuntungan dari kemurahan hati Kerajaan Negeri selama ini. Memang terdapat kes-kes benar di mana kesulitan kewangan telah dihadapi. Di sini patutlah pihak Kerajaan memper-timbangkan kes-kes itu dengan simpati dan *flexibility*, dengan izin.

Dengan ini, Tuan Speaker, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1984. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Tuan Hj. Yahaya bin Ahmad):

Tuan Speaker, saya memohon izin bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan dalam Persidangan Pertama hari yang pertama oleh Y.A.B. Ketua Menteri bagi Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Dalam ucapan membentangkan Rang Undang-undang ini saya dapati bahawa setelah disemak angka-angka perbelanjaan yang telah dikanunkan dalam buku belanjawan ini, maka saya dapati ianya adalah amat lojik sekali memandangkan keadaan kemerosotan ekonomi Negara pada masa ini. Walau bagaimanapun, di atas kebijaksanaan pentadbiran kewangan menyusunkannya dengan begitu rapi memang sudah menjadi adat mengadakan penambahan dari satu masa ke satu masa mengikut keadaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan dapat membedong perbelanjaan itu mengikut keadaan semasa.

Di sini saya tidak ingin menyatakan angka-angka perbelanjaan kerana banyak rakan-rakan saya telahpun menyatakan. Walau bagaimanapun, saya dapati beberapa jabatan yang telah diperuntukkan wang tambahan umpamanya Jabatan Kerja Raya telah ditambahkan sebanyak \$33,000.00 dan juga sebanyak \$200,000.00 sebagai penyelenggaraan bagi memperbaiki lagi jalan-jalan Negeri dan parit jalan supaya mutu perkhidmatan mereka itu lebih baik.

Kita dapati pada masa-masa yang lalu bilamana kita bangkitkan masalah penyelenggaraan jalan-jalan ini selalunya jawapan yang diberi adalah tidak mencukupi wang dan tenaga kerja. Saya rasa dengan adanya peruntukan tambahan ini pihak yang berkenaan dapat menjaga jalan-jalan dengan lebih baik lagi.

Saya harap apa yang Kerajaan sentiasa melaung-laungkan untuk menswastakan mana-mana Jabatan Kerajaan yang difikirkan penting akan dilaksanakan. Kerana

pada akhir-akhir ini kita lihat penyelenggaraan jalan buruk sekali terutama di Kawasan Telok Bahang dan separuh di kawasan Bayan Lepas. Kita dapati jalan-jalan ini amat buruk sekali dan berlubang-lubang di sana-sini lebih-lebih lagi apabila pihak Jabatan Telekom mengorek jalan-jalan raya itu. Di kawasan saya dua orang telah maut disebabkan penyelenggaraan yang tidak begitu baik. Ini sungguh mendukacitakan, saya harap kalaulah pihak-pihak yang tidak berkenaan tidak mampu melaksanakan tugas-tugas dengan baik bolehlah kita memberi kontrak kepada badan-badan swasta supaya dapat menyelenggarakannya dengan lebih baik daripada apa yang kita lihat hari ini.

Sistem pekerjaan, terutama sekali adalah buruk sekali. Bilamana saya lalu bolehlah kita lihat seseorang pekerja atau 5 — 6 orang pekerja-pekerja dalam jarak 10 kaki menebas rumput-rumput di tepi jalan. Ini sungguh memalukan kita apabila dilihat oleh orang-orang yang lalu-lalang di situ. Ini dapat saya lihat setiap hari. Saya berharap pihak-pihak yang berkenaan cubalah siasat sama ada benar atau tidak apa yang saya katakan ini.

Begitu juga saya dapati sebagaimana dalam soal-an yang saya timbulkan kelmarin mengenai titi yang tidak dijaga dengan begitu rapi baru dalam tahun ini di kawasan yang sama di Pulau Betong dua buah jambatan telah roboh.

Sebaik sahaja jambatan yang roboh itu diperbaiki maka sebuah lagi yang berhampirannya telahpun roboh sehingga ada kereta yang masuk dalam lubang itu dan patah *sharp*nya. Ini adalah satu akibat yang tidak baik. Saya harap perhatian yang teliti haruslah diambil oleh pihak Jabatan Kerja Raya terhadap kerja-kerja di jalan-jalan ini.

Begitu juga di Jalan Tun Sardon, batu-batu berlonggok di tepi-tepi jalan yang selalu dilalui orang selama lebih daripada enam bulan. Keadaan ini amat mer-

bahaya; kadang-kadang kita hampir-hampir berlanggar dengan kereta-kereta disebabkan kita mengelakkan kereta kita daripada batu-batu yang dilonggokkan di tepi-tepi jalan. Perkara ini haraplah mendapat perhatian sepenuhnya.

Satu lagi perkara yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai parit-parit di sebelah bukit tidak dibuat dan air bilamana hujan lebat menakung dan membanjiri jalan, tetapi setelah kita bangkitkan perbincangan dalam masa seminggu ini saya lihat barulah ada di setengah-setengah tempat dikorek parit yang sedemikian itu. Saya harap amalan semacam ini terus berpanjangan, janganlah apabila Dewan hendak bermesyuarat dan hendak diadakan soal-an-soalan di dalam Dewan baru kerja-kerja hendak dibuat. Ini seolah-olah melepaskan batuk ditangga sahaja.

Tuan Speaker, berhubung dengan peruntukan tambahan kepada Jabatan Parit dan Taliair sebanyak \$290,750.00 di mana tambahannya kadar 7%, saya harap wang ini dapat dipergunakan dengan baik kerana apa yang kita difahamkan bahawa pemaritan taliair yang ditinggalkan oleh bekas penjajah itu tidak sesuai lagi dengan keadaan zaman sekarang ini. Apa yang kita dapati sungutan dari para petani terutama di kawasan saya Balik Pulau, Kawasan Teluk Bahang, di mana kawasan-kawasan tanah sewa itu tidak rata dan tinggi-rendah. Sementara di Sungai Pinang rendah dan kawasan Permatang Pasir tinggi, datang pula di jalan Kuala Baru rendah dan di Sungai Burung tinggi dan sebagainya sehingga air tidak dapat mengalir mengikut kehendak para petani-petani kita.

Baru sahaja di minggu yang lalu satu perbalahan telah berbangkit di antara dua kawasan kerana satu kawasan berkehendakkan air dan satu kawasan lagi tidak berkehendakkan air. Ini membangkitkan masalah di kawasan pertanian di kawasan saya. Jadi saya berharap supaya sistem pemaritan taliair ini dapat dibuat perubahan mengikut keadaan zaman. Kalaulah

boleh kita adakan cara palong atau pun cara paip yangmana air itu boleh kita kawal (*control*) atau kita jaga, tidak seperti sekarang ini air itu terbiar sahaja dalam parit-parit dan akhirnya mengalir ke laut dan tidak dapat digunakan dengan sebaik-baiknya. Ini tentulah merugikan masa dan mengsia-siakan pamaritan air yang dibuat. Kadang kala pamaritan itu duduk di tepi permatang jauh dari pertengahan bendang. Tentulah air tidak dapat kita alirkan ke sawah-sawah yang memerlukan air mengikut kehendak para petani.

Tuan Speaker, adalah harapan saya supaya Jabatan Parit dan Taliair lebih memerhati. Seperti kata rakan saya tadi kita tidak mahu pegawai-pegawai kita hanya duduk di bilik sejuk dan memberi arahan sahaja kepada pegawai-pegawai - bawahan sementara pegawai-pegawai bawahan tidak dapat menjalankan tugas dengan begitu baik tetapi hanya menunggu arahan dari pihak di atas. Saya berharap perkara semacam ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Speaker, di sini berhubung dengan ucapan Y.A.B. Ketua Menteri yang telah memberi ucapan tahniah kepada kakitangan kita yang telah bekerja dengan begitu baik, saya juga mengambil peluang pertama sekali kepada Setiausaha Kerajaan Negeri dan bahagian jagaannya yang begitu baik. Tetapi malangnya terdapat dalam Mesyuarat Dewan kita ini ramai ketua-ketua jabatan atau pegawai yang bertanggungjawab tidak hadir untuk melihat dan meneliti apakah yang akan berlaku dalam Dewan, termasuklah jabatan-jabatan Persekutuan. Saya berharap bukan sahaja ketua-ketua jabatan dalam Negeri Pulau Pinang diperlukan hadir di mesyuarat Dewan kita ini, tetapi juga pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan Persekutuan atau agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, kerana mereka berkhidmat di Negeri kita sedikit sebanyak adalah melibatkan penduduk-penduduk dan rakyat Negeri ini. Kita harap seperti kata pepatah orang tua-tua, "Di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung."

Datuk Speaker, berbalik sedikit menyentuh apa yang dibuat oleh Ketua Pembangkang mengatakan berkenaan dengan pajakan Pulau Pinang sebanyak \$10,000.00 setahun, saya rasa tidak patut Ketua Pembangkang membangkitkan perkara itu dalam Dewan ini kerana masalah ini adalah masalah sejarah. Kalaulah pihak pembangkang faham sejarah Negeri Pulau Pinang semenjak tahun 1786 di mana kompeni Inggeris membuat perjanjian dengan Sultan Kedah di mana pulau ini dipajak selagi ada matahari dan bulan. Jadi mengikut istilah Bahasa Malaysia tidak ada orang yang boleh menghancurkan kalau mengikut dengan tahap-tahap kita hendak menghayalkan pentadbiran kita secara Islam. Ini adalah berlawanan dengan dasar-dasar Islam. Jadi saya harap pihak pembangkang akan faham akan masalah \$10,000.00 itu dan janganlah diungkit-ungkitkan lagi. Ini pun saya rasa tidak begitu banyak kalau dibandingkan dengan keadaan ekonomi negara kita hari ini dan lebih-lebih lagi bayaran ini dibuat oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya tidak berniat untuk bercakap panjang, hanya hendak menyentuh dua-tiga perkara sahaja, tetapi saya menyentuh perkara ini dengan tujuan supaya ianya mendapat perhatian dari pihak yang berkenaan. Dengan itu saya menyokong sepenuhnya di atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan bagi perbelanjaan tahun 1984.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Md. Zain bin Haji Omar):

Tuan Speaker, setelah kita mendengar perbincangan yang dilemparkan oleh pihak penyokong dan pembangkang, kita dapatlah kesimpulan mengatakan yang semua Ahli-ahli menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1984.

Dalam hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan, saya cuma dapat petik satu-dua perkara sahaja yang disentuhkan berhubung dengan portfolio

saya. Pertama sekali berhubung dengan peruntukan kebudayaan. Peruntukan untuk kebudayaan ada disediakan di bawah bekal Jabatan Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan. Bagi Kebudayaan Negeri Pulau Pinang wang sebanyak \$35,000.00 bagi tahun ini telah kita peruntukkan melalui Majlis Kebudayaan Negeri Pulau Pinang dan sekiranya peruntukan itu perlu ditambah, maka kita akan membuat permohonan-permohonan lagi untuk kegiatan kebudayaan khasnya kepada masyarakat Pulau Pinang.

Perkara kedua yang disentuh ialah berhubung dengan persembahan seni tari di tapak pesta baru-baru ini yang mungkin pada pendapat pihak wakil dari Kawasan Kubang Semang mengatakan persembahan kebudayaan itu agak kurang sempurna kerana pakaian yang mereka pakai itu agak menjolok mata. Tetapi mungkin Jawatankuasa pihak Kebudayaan setelah dibincangkan dengan jurulatih berpendapat bahawa rentak tari yang mereka persembahkan itu agak sesuai dengan pakaian tersebut. Jadi pada masa-masa akan datang mungkin kita akan ubah kalau sekiranya kita hendak tarian joget, maka kita persembahkan tarian joget dengan pakaian yang sesuai dengan tarian tersebut.

Rasa saya tidak ada perkara lain yang telah dibangkitkan, jadi saya berhenti setakat ini sahaja kerana yang disentuh hanya dua perkara. Saya akan mengambil perhatian perkara yang dibentangkan oleh wakil Kubang Semang dan mengucapkan terima kasih atas teguran yang dibuatnya. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik Lee Jong Ki):

Saya ingin menjawab atas beberapa keterangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Kerajaan Negeri memang sedar masalah-masalah yang timbul daripada kedai-kedai tuak. Kerajaan Negeri tidak berhasrat menutup kedai-kedai tuak di Negeri ini. Tetapi Kerajaan akan mengambil langkah-langkah

yang perlu untuk memperbaiki keadaan kedai-kedai tuak. Ini tidak sahaja untuk kepentingan orang-orang tempatan, tetapi kedai-kedai tuak boleh juga menjadi daya tarikan untuk pelancong-pelancong.

Atas cadangan untuk menutup kedai-kedai tuak, Kerajaan Negeri telah mempertimbangkan kemungkinan ini, tetapi berpendapat adalah baik kedai tuak ini terus diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri bagi kepentingan orang awam dan untuk mengelakkan masalah yang mungkin akan timbul jika kedai-kedai tuak ini dimansuhkan.

Mengenai kerugian wang akibat kedai-kedai tuak, saya ingin memaklumkan bahawa ini tidak benar. Sebenarnya Kerajaan Negeri memperoleh *surplus* setelah ditolak kes. Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, hasil jualan tuak masuk ke akaun hasil Negeri dan tidak masuk kira sebagai hasil kedai tuak. Dari pada jualan, anggaran \$1,100,350.00 adalah untuk pembekalan tuak untuk dijual di kedai-kedai tuak. Hasil jualan tuak bagi tahun 1983 adalah \$1,300,000.00. Dan bagi tahun 1984 dianggarkan \$1,300,000.00 juga.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bagan Jermal atas cadangan dan pandangan beliau. Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan-cadangan itu dan mengambil langkah-langkah untuk membaiki keadaan ketipisan sampah di Negeri ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk menegaskan bahawa tanpa kerjasama daripada orang-orang awam, semua usaha Kerajaan akan dibazirkan. Oleh sebab itu saya merayu kepada rakyat kita untuk bekerjasama dengan Kerajaan supaya menolong membersihkan tempat-tempat awam ini dan juga jangan merosakkan harta-harta Kerajaan.

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Dr. Ong Hean Tee):

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Nibong telah menyen-

tuh perkara tunggakan pembayaran ansuran bulanan untuk perumahan kos rendah Kerajaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat tunggakan ini telah bernilai lebihkurang \$2 juta pada masa sekarang. Bagi pihak Kerajaan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Nibong atas penggalakannya kepada Kerajaan Negeri supaya mengambil tindakan yang tegas bagi membolehkan kita mengutip tunggakan-tunggakan ini. Dengan sokongan daripada wakil-wakil rakyat, Kerajaan Negeri akan menjalankan satu gerakan untuk mengutip wang yang dihutang itu. Saya berharap pihak pembangkang akan juga menyokong usaha-usaha Kerajaan ini, iaitu satu tindakan yang boleh dianggap sebagai adil dan saksama. Penghuni-penghuni perumahan kos rendah Kerajaan mesti sedar atas tanggungjawab mereka dari segi undang-undang dan juga dari segi moral. Mereka mesti menjalankan tunggakan mereka dengan Kerajaan.

Tuan Speaker, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor telah menyenutuh kepada satu soalan mulut berkenaan dengan surat palsu mengenai peruntukan perumahan kos rendah Kerajaan. Beliau telah bertanya adakah tindakan telah diambil berkenaan dengan surat palsu itu. Jawapan saya pada hari kelmarin dan pada hari ini ialah ya. Perkara ini telah dirujuk kepada pihak polis untuk siasatan dan tindakan yang sewajarnya. Sebagai pihak Kerajaan kita mesti bertindak mengikut undang-undang Negara dan inilah cara undang-undang kita yang betul.

Tuan Speaker, pada masa perbahasan pagi ini, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Glugor telah menyatakan bahawa menipu rakyat adalah satu perkara yang kecil. Sebagai seorang wakil rakyat saya mengambil berat atas pandangan itu, kenyataan beliau adalah menghairankan dan juga mengejutkan bagi seorang wakil rakyat dan seorang ahli politik. Sebagai seorang ahli politik khasnya seorang wakil rakyat, tugas dan tanggungjawab kita mestilah

menjadi perkhidmatan untuk rakyat. Ini ialah prinsip asas bagi peranan kita dalam arina politik. Semua wakil rakyat mesti mematuhi prinsip berkhidmat untuk rakyat dan Negara dan kita semua mesti berkhidmat bukan dengan percakapan tetapi dengan kejujuran dan keikhlasan. Akan tetapi pada pagi ini seorang wakil rakyat dalam Dewan ini telah menyatakan bahawa menipu rakyat adalah perkara kecil. Jikalau beliau telah menyebut itu bohong rakyat, itu pun cukup serius, tetapi kegunaan perkataan ini menjejaskan imej yang mulia ini dan juga imej semua wakil rakyat di Dewan ini, tetapi kini wakil rakyat Kerajaan telah menolak kenyataan ini sebagai satu kenyataan beliau sendiri. Itu adalah pandangan dari pihak pembangkang. Rakyat Pulau Pinang jangan bimbang bahawa semua wakil rakyat kita di sini berpendapat dengan wakil rakyat dari Kawasan Bukit Glugor. Boleh jadi Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor menerima konsep menipu rakyat sebagai perkara kecil dan juga sebagai amalan biasa. Boleh jadi dalam kerja dan tugasnya menipu rakyat menjadi perkara yang sangat-sangat kecil. Rakyat Pulau Pinang khasnya rakyat dari Kawasan Bukit Glugor mesti sedar atas kepercayaan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor dan juga memikirkan berat atas pekerjaannya sebagai seorang wakil rakyat. Saya berharap Ahli dari Kawasan Bukit Glugor boleh membuat konsep pada masa depan dan menolak satu kepercayaan yang sangat-sangat luar daripada tujuan-tujuan-nya.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Mohd. Shariff bin Haji Omar):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan 1984 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada penyokong-penyokong Kerajaan yang telah memberi tegoran yang membina bagi memperbaiki lagi sistem Kerajaan Negeri Pulau

Pinang. Terdapat beberapa perkara yang dibangkitkan ataupun yang dituturkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan pihak Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang terdapat pada masa ini.

Berhubung dengan masalah pembayaran akibat daripada kita mengadakan Expo Pertanian yang masih lagi belum dijelaskan, suka saya mengambil kesempatan ini memaklumkan bahawa pembayaran akan dibuat dalam kadar yang secepat mungkin. Sebenarnya kelewatan bukanlah disebabkan oleh pentadbiran yang tidak cekap akan tetapi keadaan yang sebenarnya adalah disebabkan oleh bil-bil tuntutan tidak dikemukakan kepada pihak yang berkenaan. Suka saya tegaskan bahawa semua tuntutan yang telah dikemukakan kepada Pihak Kerajaan telah dibayar, kecuali yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kawasan Bagan Ajam. Saya ingin menekankan sekali lagi bahawa tindakan sedang diambil bagi memastikan segala perbelanjaan yang terlibat bersabit dengan Expo Pertanian Negeri yang telah diadakan pada tahun 1983 akan diselesaikan dengan segera.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Sungai Bakap ada menimbulkan masalah berhubung dengan permohonan ubah syarat tanah. Nampaknya pegawai-pegawai daripada jabatan Parit dan Taliair telah dituduh tidak membuat lawatan ke kawasan-kawasan yang berkenaan. Pegawai-pegawainya lebih banyak tinggal di pejabat dan menyediakan laporan di pejabat. Tuduhan-tuduhan ini adalah tidak benar kerana pegawai-pegawai kita begitu gigih dan sentiasa membuat lawatan ke tempat-tempat yang berkenaan. Suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini apabila kita memproses satu laporan yang berhubung dengan permohonan menukar syarat lawatan ke atas tapak yang berkenaan biasanya dibuat oleh seorang Pembantu Teknik dan beliau pula akan mengemukakan laporan ini kepada Juru-tera Daerah untuk diselidik dan selepas itu

akan dikemukakan kepada pengarah di peringkat Ibu Pejabat di Pulau Pinang. Jadi tuduhan-tuduhan yang mengatakan laporan ini dibuat di pejabat adalah tidak benar. Walau bagaimanapun, kita akan pastikan bahawa laporan-laporan yang telah dikemukakan ataupun permohonan-permohonan yang telah dibuat akan diproseskan dengan lebih cepat lagi.

Berkenaan masalah menyelaras parit di kawasan-kawasan perairan, sukacita saya maklumkan bahawa tiap-tiap 4 atau 5 tahun sekali parit-parit ini akan dikorek. Jika tidak dibuat demikian sungai ini akan menjadi cetek dan sudah tentulah akan mengakibatkan banjir dan sebagainya.

Berkenaan masalah yang sedang dihadapi sekarang ini iaitu kekurangan kakitangan di Jabatan Parit dan Taliair, kita telah mengemukakan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan saya sendiri telah mengemukakan secara bertulis. Saya yakin dan percaya dengan kepimpinan yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan masalah mengisikan jawatan kosong yang terdapat di Jabatan Parit dan Taliair, begitu juga dengan kekosongan yang terdapat di jabatan lain akan diisi. Dan pengisian kekosongan jabatan ini sudah tentulah kita akan dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan jabatan-jabatan yang berkenaan.

Juga telah dibangkitkan masalah pembekalan air yang tidak sama di kawasan-kawasan bendang. Jadi nampaknya, Tuan Speaker, Jabatan Parit dan Taliair ini selalu kena hentam. Kadang-kadang tidak bagi air pun marah, bagi air pun marah, air naik pun marah. Jadi kadang-kadang suka juga bagi pegawai-pegawai di bawah Jabatan Parit dan Taliair untuk memberi bekalan air.

Ini disebabkan oleh kerana penanaman padi tidak serentak. Jadi oleh kerana penanaman yang tidak serentak tentulah sukar bagi pegawai-pegawai untuk mengawal

cara pemberian air.

Saya suka mengambil kesempatan ini menyeru kepada petani kita supaya menanam dengan mengikut jadual yang ditetapkan bagi mengatasi masalah pemberian air yang tidak serentak. Walau bagaimanapun, di bawah projek pembangunan pertanian yang disatukan (IADP) yang sedang dijalankan di Sungai Burung kita akan membina semua sistem bekalan air dan sistem saliran yang ditinggalkan oleh penjajah itu. Dengan pelaksanaan sistem ini adalah dijangkakan seluruh kawasan bendang di Balik Pulau berjumlah 1,125 hektar akan mendapat bekalan air dan sistem tali air yang baik.

Jadi, Tuan Speaker, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat terutama sekali kepada pihak penyokong Kerajaan yang telah memberi pandangan yang bernas yang boleh membantu bagi mengujudkan satu sistem pentadbiran yang lebih baik ke arah mengujudkan sistem pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Datuk T. Subbiah):

Tuan Speaker, kebanyakan Ahli-ahli yang bercakap telah menyentuh masalah tunggakan cukai tanah dan cara mengutipnya. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam ucapannya dan jawapan kepada soalan mulut yang saya berikan kelmarin, Kerajaan Negeri akan bertindak tegas untuk mengutip balik tunggakan-tunggakan cukai tanah. Kerajaan Negeri sebagai langkah pertama sedang mengeluarkan notis 6A di bawah Seksyen 7, Kanun Tanah Negara, bagi mereka yang berhutang lebih dari \$10,000.00 dan jika tidak dijelaskan dalam masa 3 bulan, tanah berkenaan akan menjadi hak Kerajaan dalam Seksyen 100, Kanun Tanah Negara. Adalah dimaklumkan di sini Kerajaan sedang menimbang akan langkah seterusnya bagi mengutip tungga-

kan sewa tanah bagi lot-lot lebih daripada \$5,000.00 dan yang berhutang lebih dari 10 tahun dengan cara yang sama. Saya mengambil kesempatan ini untuk mendapatkan kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menyokong langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor telah membangkitkan soal Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu Pulau Pinang dan cadangan membina kuil Ayappan di tanah kuil waterfall semasa apa yang digelar "*Hindu Convention*" telah diadakan pada 30hb Oktober, tahun ini. Saya telah diminta untuk memberi komen oleh pihak akhbar dan di dalam persidangan akhbar itu saya telah menyatakan bahawa apa yang digelar "*Hindu Convention*" dikelolakan oleh penentang-penentang politik. Memandangkan pandangan saya itu disahkan di dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor telah bertindak sebagai pembawa mulut bagi S.J. Mugunthan dan rakan D.A.P.nya M. Shanmugam yang menjadi pengelola utama persidangan tersebut. Saya telah diberitahu bahawa orang-orang yang menghadiri persidangan itu adalah terdiri daripada ahli-ahli keluarga dan rakan-rakan pengelola persidangan tersebut. Tidak sebarang kuil telah menghantar wakilnya untuk mengambil bahagian dalam persidangan itu.

Saya berasa sukacita kerana diberi peluang ini untuk memberi penjelasan serta menerangkan kepada ahli-ahli pembangkang yang bukan beragama Hindu mengenai hal-hal Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu Pulau Pinang di seluruh Malaysia. Hanya di Negeri Pulau Pinang sahaja diwujudkan Lembaga bagi orang-orang Hindu. Ahli-ahli Lembaga ini adalah dilantik di bawah peruntukan Ordinan dan mereka juga menjalankan kewajipan dan tugas-tugas menurut peruntukan-peruntukan Ordinan tersebut.

Hal-hal kewangan Lembaga ini adalah di bawah jagaan seorang Setiausaha yang juga seorang pegawai Kerajaan dari kum-

pulan "A". Beliau menguruskan akaun-akaun bank dan juga menyelenggarakan buku-buku akaun lembaga ini, salah satu fungsi Lembaga ini adalah mengambil alih dan mentadbirkan kuil-kuil Hindu yang tidak dikendalikan dengan teratur.

Hanya lima buah kuil ditadbirkan oleh Lembaga ini iaitu Kuil Waterfall (Kuil Balathandayuthabani), Kuil Sri Kunj Bihari di Penang Road, Kuil Sri Rama di York Road dan Kuil Sri Mariaman di Butterworth.

Jika berbanding dengan lebih kurang 100 kuil yang telah ditubuhkan di Negeri Pulau Pinang, maka kelima-lima buah kuil ini di bawah kawalan wakaf orang-orang Hindu bolehlah dianggap sebagai satu tugas ringan.

Kuil-kuil ini telah diletak di bawah jagaan Lembaga ini semenjak penjajahan British. Lembaga ini melantik 4 jawatankuasa Pengurusan Kuil secara tahunan untuk mentadbirkan hal-hal kuil tersebut. Kuil Waterfall (Kuil Balathandayuthabani) dan Kuil di Queen Street (Sri Mariaman) adalah di bawah jagaan dan dipengerusikan oleh Encik S. Kumalaguru, pengelola sekolah-sekolah Tamil di Negeri Pulau Pinang. Kuil Sri Kunj Bihari dipengerusikan oleh Encik H.S. Bhat, seorang saudagar dan juga dermawan. Kuil Sri Rama di York Road diketuai oleh Encik K. Pannampalam, bekas Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pulau Pinang, dan Kuil Mariaman di Butterworth di bawah Encik Arunasalam, seorang peniaga dan dermawan.

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan adalah terdiri daripada orang-orang dan kakitangan Kerajaan termasuk kakitangan polis, peniaga-peniaga dan orang-orang daripada berbagai kehidupan, termasuk orang-orang professional. Kuil-kuil tersebut adalah ditadbirkan dengan menggunakan derma-derma dari penganut-penganut dan juga pendapatan daripada sewa yang diterima dan derma atas harta-harta. Lem-

baga ini tidak menerima sebarang peruntukan geran kewangan daripada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Pada peringkat awal semasa soalan lisan Yang Berhormat Ahli dari Bukit Glugor telah meminta butir-butir mengenai harta-benda Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu Pulau Pinang. Butir-butir secara *detail* mengenai harta-benda telah disampaikan sebagai jawapan bertulis kepada rakan-nya, Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Pengkalan Kota, di Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dalam sesi bulan Mei tahun ini. Adalah terang bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Bukit Glugor tidak menunjukkan dirinya sebagai seorang yang bertanggungjawab atau pun beliau tidak sedar apa yang sedang berlaku di Dewan ini, atau dengan sengaja cuba membuang masa kami semua di sini.

Tuan Speaker, mengenai Kuil Ayappan ini Lembaga Wakaf Hindu dalam mesyuaratnya pada 5hb Mac 1982 telah bersetuju untuk membina kuil ini di kawasan Kuil Waterfall. Luas tanah yang akan digunakan untuk kuil ini ialah kira-kira 1,500 kaki persegi sahaja. Tanah Kuil Ganesan pula ialah juga seluas 1,500 kaki persegi. Kawasan tanah yang digunakan untuk tapak Kuil Subramaniam ialah kira-kira 2,500 kaki persegi, tetapi jumlah keluasan tanah Kuil Waterfall ialah 521,793 kaki persegi. Cadangan membina sebuah kuil ini berdedikasi kepada Lord Ayappan yang datangnya daripada penganut-penganut agama Hindu yang selalu hadir di kuil-kuil yang diuruskan oleh Lembaga Wakaf Orang-orang Hindu. Selepas perundingan dengan Jawatankuasa Pengurusan Kuil, maka telah dipersetujui untuk membina kuil tersebut di tapak yang dicadangkan itu. Kebanyakan orang-orang Hindu ingin melihat pembinaan sebuah kuil yang berdedikasi kepada Lord Ayappan di atas tapak yang dicadangkan itu disebabkan tidak ada satu kuil yang sedemikian di kawasan Malaysia Utara.

Tuan Speaker, saya ingin mengambil

kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pujian kepada Jawatankuasa Tanah dan juga Pejabat Pengarah Tanah dan Galian di atas kerja yang dijalankan dengan baik. Kami akan mencuba dengan bersungguh-sungguh bagi mengekalkan keadaan-keadaan yang baik.

Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.03 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.35 petang.

Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Penaga (Datuk Hj. Hassan bin Hj. Md. Noh @ Mat Noor):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga bersama-sama dengan rakan saya bangun untuk memberi sedikit pandangan atau jawapan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan pada hari ini.

Tuan Speaker, memandangkan oleh sebab bagi pihak Ahli Kawasan Bukit Glugor telah menyentuh sedikit tentang peruntukan di Jabatan Hal Ehwal Uagama yang mempunyai kelebihan sebanyak \$185,000.00, yang sebenarnya, Tuan Speaker, daripada kelebihan ini sebanyak \$71,230.00 adalah untuk menampung kenaikan gaji seperti Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain sedangkan peruntukan sebanyak \$100,000.00 itu adalah, seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sebagai satu pemberian saguhati kepada pegawai-pegawai masjid yang terdapat di seluruh Negeri Pulau Pinang ini. Tiap-tiap sebuah masjid itu mempunyai lima orang pegawai. Saguhati ini saguhati tahunan yang diberi oleh Kerajaan Negeri. Sepertimana kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan Pusat adalah sentiasa memberi bantuan kepada pembangunan rumah-rumah ibadat bagi agama-agama lain juga.

Walau bagaimanapun, saya sungguh tertarik hati dengan minat pihak pembangkang yang sudah banyak suka menyentuh tentang soal-soal dari segi kebaikan beragama kerana bagi pihak pembangkang juga telah membuat pertanyaan mengenai nilai-nilai Islam dan sebagainya yang akan dimasukkan di dalam pentadbiran. Saya nampak bagi pihak pembangkang sendiri, terutama Ahli Kawasan Bukit Glugor, sudah pun menunjukkan satu sikap iaitu sikapnya yang dahulu suka berdegil-degil, suka berbantah-bantah dengan Speaker dan keras kepala dan tidak mahu mematuhi di atas peraturan-peraturan tetapi pada hari ini nampaknya Yang Berhormat itu telah mula menunjukkan satu sikap yang boleh kita berikan pujian kerana beliau nampaknya berlemah-lembut dan tidak lagi marah-marah macam dahulu. Ini adalah merupakan bahawa beliau sudah mulai sedar di atas kesilapan-kesilapan yang mana ini adalah salah satu daripada nilai-nilai Islam tapi saya tidak suruh masuk Islamlah.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli dari Kubang Semang telah membangkitkan supaya soal peruntukan kepada Biasiswa Kerajaan Negeri ditambah dan juga diberi satu pertimbangan khas terutama sekali kepada penuntut-penuntut yang datang daripada luar bandar. Hal ini, Tuan Speaker, akan diambil perhatian.

Mengenai syor atau pun pandangan supaya diadakan Pusat Latihan bagi kanak-kanak cacat, sebenarnya bagi Negeri Pulau Pinang ini adalah sebuah negeri yang terbaik kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan kerana di Pulau Pinang ini kita mempunyai lima buah pusat latihan kanak-kanak cacat iaitu seperti Sekolah Cacat Akal Pulau Pinang yang mana Kerajaan Pusat memberi geran tahunan sebanyak \$8,000.00, Sekolah Terancat Akal di Perai yang mendapat geran sebanyak \$5,000.00, Sekolah Spastik yang mendapat sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu memberi geran tahunan juga sebanyak \$9,000.00, Sekolah Buta St.

Nicholas yang diberikan peruntukan tahunan oleh Kerajaan Negeri sebanyak \$3,000.00 dan sebuah Sekolah Pekak iaitu di Tanjung Bungah yang dibiayai seratus peratus oleh Kerajaan dan ianya juga mempunyai tempat-tempat tinggal dan asrama.

Berhubung dengan syarat-syarat untuk memasuki ke sekolah-sekolah ini, memanglah pihak-pihak yang berkenaan mengenai syarat-syarat yang tertentu. Apa yang menjadi malang, Tuan Speaker, ialah kebanyakan orang-orang kita manakala mereka mempunyai anak-anak yang cacat yang terencat dalam jangka umur dua-tiga tahun sudah hendak serah terus kepada sekolah-sekolah yang berkenaan sedangkan sekolah-sekolah yang berkenaan telah meletakkan syarat bahawa mereka-mereka yang terlibat ini boleh diterima manakala berumur lima tahun ke atas. Jikalau manakala anaknya baru lahir sahaja dia nampak cacat sudah hendak diserahkan terus, ini menunjukkan seolah-olah ibubapa itu tidak bertanggungjawab ke atas anak yang dilahirkan.

Jadi inilah, Tuan Speaker, jawapan saya kepada soalan atau pun kepada perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli dari Kawasan Kubang Semang tadi.

Selain daripada itu, Tuan Speaker, saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan saya yang lain menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Datuk Khor Gark Kim):

Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara atau masalah-masalah berkenaan dengan hakisan tanah, penyelenggaraan jalan-jalan, rumput-rumput di tepi jalan, longkang-longkang dan titi-titi.

Butir-butir atau penjelasan ini telah pun diberi dalam jawapan saya kelmarin

dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil perhatian di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan jabatan yang berkenaan akan memperbaiki kedudukan dan menyelesaikan masalah tersebut.

Berkenaan dengan masalah banjir di kawasan Relau, ini disebabkan Sungai Relau dan Sungai Keluang telah dipenuhi dan telah tertimbus dengan enapan pasir dan lumpur lebih kurang 5 kaki. Banjir berlaku di kawasan Jalan Tengah pada 24hb. Oktober tahun ini oleh sebab hujan lebat setinggi 2 inci selama setengah jam bersama dengan air pasang tinggi 1.3 meter Ordinan Data. Peruntukan sebanyak \$190,00.00 telah pun diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk kerja-kerja mendalamkan Sungai Relau dan Sungai Keluang ini. Kerja-kerja ini telah pun dimulakan.

Untuk menyelesaikan masalah banjir di jalan-jalan di Kawasan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas, satu cadangan untuk menyalurkan air kawasan ini ke Sungai Bayan Lepas telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Pusat. Cadangan projek ini yang beranggaran sebanyak \$11 juta akan dijalankan apabila peruntukannya diluluskan oleh Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Bertam (Datuk Abdul Rahman bin Haji Abbas):

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang pada mulanya saya tidak bercadang untuk mengambil bahagian tetapi setelah melihat sambutan yang begitu baik terutama sekali dari rakan-rakan di belakang maka saya rasa saya juga perlu mengambil bahagian.

Perkara yang pertama dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Machang Bubok mengenai kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sejarah Majlis Perbandaran Seberang Perai dan juga Majlis Perbandaran Pulau Pinang secara ringkas telah wujud setelah wujudnya satu laporan iaitu Athi Nahappan Report. Tujuan dibuat

atau pun digabungkan majlis-majlis kecil supaya menjadi besar ialah untuk membolehkan kelicinan pentadbiran majlis-majlis yang tersebut. Kalau dahulu di Seberang Perai ada tiga sekurang-kurangnya dan di pulau ada juga lebih daripada satu. Ini sudah tentulah akan melibatkan belanja yang banyak dan mungkin ada Majlis-majlis Perbandaran yang tidak mampu berfungsi kerana masalah kewangan. Ini bukan sahaja melibatkan Pulau Pinang dan Seberang Perai tetapi melibatkan juga Majlis-majlis Perbandaran di seluruh Negara.

Hari ini perkhidmatan yang diberi oleh kedua-dua Majlis ini adalah sangat memuaskan walaupun terdapat beberapa perkara kecil yang akan kita perbaiki dari satu masa ke satu masa dan kalau kita bandingkan dengan keadaan sebelumnya iaitu sebelum Majlis ini dipercantumkan, saya rasa perkhidmatan sekarang jauh lebih baik dan berkesan. Ini tidak dapat dinafikan. Memang benar dari segi kawasan, Seberang Perai merupakan kawasan perbandaran yang paling besar dalam dunia. Ini kita yang menentukan dan bila kawasan besar sudah tentulah banyak masalah dan perlu kita memberi peluang kepada pegawai-pegawai ini menunjukkan kebolehan dan kemampuan masing-masing.

Berkenaan kenaikan cukai taksiran di Pulau dan di Seberang Perai pula, kadarnya ialah 3:2:1. Ini adalah satu kenaikan yang sangat adil, satu kenaikan yang sangat patut. Kita tidak boleh menjadi *hero* dengan meminta sesuatu yang tidak munasabah. Kalau itu yang kita minta bermakna kita menipu diri kita sendiri. Kita bukanlah pemimpin yang sebenarnya sebab pemimpin mesti menyampaikan sesuatu yang benar kepada mereka yang dipimpin. Kalau susah kita ceritakan susah, kalau senang kita ceritakan senang. Itu yang patut kita sampaikan. Jadi bila cukai ini dinaikkan bukan bermakna kita menaikkan dengan sewenang-wenangnya pejam mata ambil pen dan tulis. Tidak. Kita kaji, kita selidik dan membuat perbandingan supaya kenaikan ini munasabah dan adil.

Kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri lain atau pun Majlis-majlis Perbandaran lain, Pulau Pinang dan Seberang Perai masih dapat memperlihatkan satu kenaikan yang sangat adil dan baik.

Ini saya bacakan sebagai contoh, Tuan Speaker, misalnya kediaman: Majlis Perbandaran Seberang Perai 9; Majlis Perbandaran Port Dickson 19.5; Majlis Perbandaran Kuantan 11, Majlis Perbandaran Kota Baru 15; Majlis Perbandaran Kuala Terengganu 21; Majlis Perbandaran Pulau Pinang 21; Majlis Perbandaran Melaka Tengah 35. Itu dalam kawasan had pekan atau pun bandar.

Kemudian kita ambil pula perdagangan: Majlis Perbandaran Seberang Perai 11; Port Dickson 19.5; Perbandaran Kuantan 11; Kota Baru 15; Kuala Terengganu 21; Pulau Pinang 21; Melaka Tengah 35.

Jadi dengan secara ringkas saya telah memberi gambaran yang saya rasa salah faham kita tentang kenaikan cukai itu dapat diselesaikan dan kita mesti berani berdepan dengan rakyat. Kita tidak perlu takut menyampaikan sesuatu yang betul walaupun baik.

Berbalik kepada soal memecah-mecahkan semula kawasan-kawasan Majlis ini, saya rasa ini merupakan satu hal yang perlu diberi kajian sebab ini seperti yang saya katakan kita cantumkan kerana berdasarkan pengalaman-pengalaman yang lepas.

Saya rasa itu sahaja yang hendak saya terangkan, Tuan Speaker, dan saya juga turut menyokong Usul Undang-undang yang telah dibentangkan.

Sekian, terima kasih.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini. Sahabat-sahabat saya di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan telah memberi jawapan kepada beberapa perkara

yang telah berbangkit. Inilah yang menunjukkan bahawa kuatkuasa mengikut Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan telah berjaya dalam Negeri kita.

Yang Berhormat Ahli dari Bagan Ajam dan Yang Berhormat Ahli dari Sungai Bakap dalam ucapan mereka telah mencadangkan penubuhan sebuah badan untuk mengkaji perkara-perkara yang berbangkit, satu untuk mengkaji mengikut kewangan dan lagi satu untuk mengkaji implementasi. Saya fikir kedua-dua badan ini tidak ada guna sebab kita mempunyai jawatankuasa kecil. Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan mempunyai cukup kuasa dan masalah-masalah boleh seterusnya dibawa kepada Pengerusi Jawatankuasa yang juga menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan seterusnya kita boleh menyelesaikan perkara-perkara yang berbangkit. Inilah satu sistem yang kita harap boleh dijalankan di dalam Negeri ini mengikut arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan kempenya "Kepimpinan Melalui Teladan", yang menjadi satu hasrat di dalam Negeri kita. Jika ahli-ahli yang mewakili rakyat boleh bekerjasama dengan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan di dalam Kerajaan dan kedua-dua pihak bolehlah bekerja rapat dengan rakyat, kita bolehlah mencapai satu masyarakat yangmana melalui kecekapan kita boleh menyelesaikan masalah-masalah yang ditimbulkan oleh rakyat kita.

Masalah-masalah banyak timbul sebab hari ini Negeri Pulau Pinang telah lebih maju tetapi beberapa masalah telah berbangkit. Beberapa masalah telah dan akan kita selesaikan. Hanya pada hari ini saya menjawab kepada pihak rakan-rakan saya di Barisan Nasional. Saya ucapkan terima kasih sebab mereka telah menyokong sepenuhnya dan dengan terang sekali.

Saya juga mengucap terima kasih kepada pihak pembangkang. Nampak saya sokongan mereka tidak terang tetapi seperti biasa pihak pembangkang mesti ada kedudukan pembangkang. Kalau mereka

menyokong pun mesti menyokong mengikut cara (*style*) mereka. Tetapi kali ini di dalam Dewan ini, kita telah mendapat satu persetujuan yang besar yang mana kedua-dua pihak sama ada Kerajaan atau pembangkang semua menyokong penuh dengan tujuan Kerajaan mencapai matlamat hendak menyelesaikan hinggakan di dalam kutipan hasil tanah.

Ini yang saya harapkan kalau surat khabar kita sesungguhnya hendak buat satu tajuk (*headline*) yang penting tajuk itu ialah "DAP Sokong Penuh Kerajaan Hapuskan Semua Hutang-hutang". Ini bagus. Tetapi mengikut biasa saya telah berdiri beberapa kali mohon Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor janganlah bahas di luar perkara yang kita mesti bahas di sini tetapi beliau tidak ambil perhatian apa yang saya bawa dan telah mengambil peluang menghentam saya. Itu saya tahu selalu dia hentam saya, hentam saya sampai saya tua, bukan sahaja "*old fox*" tetapi "*very old fox*".

Tuan Speaker, apa yang terjadi di dalam perbahasan Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Glugor ialah tidak ada satu perkara yang berkaitan dengan perbekalan. Sahaja dia hendak hentam saya bahawa ini tidak betul; itu tidak betul. Sahaja dia ambil peluang mahu lawan dan mendapat *headline* lagi sekali: "Ahli Dari Kawasan Bukit Glugor Encik Karpal Singh Lawan Dengan Ketua Menteri". Tetapi *headline* itu tidak laku sekarang sebab apa yang telah terjadi kali ini baik kalau dibanding dengan pengalaman kita di dalam sesi yang lalu. Sesi kali ini paling baik sekali. Tajuk (*headline*) yang betul ialah "DAP menyokong Kerajaan". Ini bagus.

Tuan Speaker, daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, saya boleh bagi kepujian sebab beliau telah membuat sedikit persediaan untuk berbahas dan ada banyak perkara yang saya telah mengambil pertimbangan. Saya boleh kata Ahli Yang Berhormat telah menunjukkan pengalaman yang lebih daripada guru.

Ini pujian kali yang kedua. Oleh sebab itu kalau kita bahaskan perbekalan ada banyak perkara yang kita mesti bangkitkan. Apa yang beliau kata ialah tahun dahulu beliau telah membawa masalah kekurangan kewangan atau defisit yangmana Kerajaan Negeri selalu ada defisit atau kekurangan. Beliau kata kita tidak menjaga kewangan Negeri kita dengan teliti. Itu beliau kata telah dibangkitkan beberapa kali tetapi apa yang saya telah laporkan di dalam ucapan saya ialah di tahun 1983 sungguhpun kita telahpun menyediakan satu kekurangan \$3.8 juta tetapi kawalan kewangan kita dalam tahun ini telah mencapai satu peringkat yang mana barangkali pada akhir tahun ini kita boleh melaporkan satu *budget*-seimbang (*balanced budget*). Asas bahasan Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota ialah kita tidak menjaga kewangan kita, tetapi apa yang kita tunjukkan beberapa kali ialah kita telah menjaga dengan baik. Oleh sebab itu perbahasan beliau tidak laku.

Tuan Speaker, beliau telahpun membawa satu perkara yang saya ingat ada sedikit menunjukkan apa yang saya kata "syaitan" di dalam DAP yang mana di dalam satu negara yang mempunyai berapa banyak kaum yang bekerjasama, yang mempunyai dasar untuk menjaga negara berbilang kaum, mereka ingin hendak memecah kaum-kaum Melayu, Cina dan India, memecah Hindu sama Sikh, MCA sama Gerakan, semuanya mereka hendak pecahkan sampai kalau DAP berjaya memegang teraju, orang India pun tak ada, orang Cina pun tak ada, orang Melayu pun tidak, apa pun tidak, negara pun tidak. Inilah sistem mereka.

Beliau telah mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak ada tanggungjawab sebablah pegawai-pegawai Negeri di dalam beberapa jabatan tidak seimbang mengikut kaum. Tuan Speaker, beliau faham bahawa pengambilan pegawai-pegawai adalah di bawah bidangkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia. Kita hanya menerima pegawai-pegawai yang dihantar ke

Negeri kita, tetapi beliau telah membawa perkara ini sebagai satu *issue*. Saya harap janganlah lagi membawa *issue* ini. Beliau ingat masa sekarang rakyat dalam Negeri Pulau Pinang masih bodoh, tetapi rakyat sekarang telah sedar bahawa *issue* itu tidak lagi berbangkit. *Issue* perkauman tidak lagi berbangkit dan oleh itu janganlah menimbulkan bahawa oleh sebab pegawai-pegawai di pejabat-pejabat berkenaan terdiri dari beberapa orang Melayu atau orang-orang Cina, mereka tidak bekerja untuk rakyat bagi kepentingan rakyat. Sebagai warganegara Malaysia, adakah perkara ini berbangkit? Jangan bawa perkara itu hendak main politik. Kalau berani cakap terus, kalau tidak berani jangan main-main mengelirukan perasaan rakyat.

Tuan Speaker, mereka tahu ini bukan rakyat. Kerajaan Negeri dan bukan kuatkuasa Kerajaan Persekutuan tetapi kuatkuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Ini mengikut Perlembagaan. Beliau tahu kedudukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Oleh itu saya harap Ahli Kawasan Pengkalan Kota jangan lagi membawa perkara ini.

Tuan Speaker ada dua cadangan oleh beliau, pertama ialah untuk penduduk-penduduk di tapak KOMTAR. Beliau telah berkata bahawa kita sekarang telah memberi notis yang akhir dan beliau memohon Kerajaan janganlah menjalankan tugas-tugas. Tuan Speaker, Kerajaan telah bersabar dengan penduduk-penduduk di tapak KOMTAR sekurang-kurangnya 7-8 tahun yang mana tapak ini telah diambil untuk rancangan Kerajaan dan kita telahpun memberi notis beberapa tahun dahulu, tetapi oleh sebab tapak-tapak itu tidak digunakan dalam projek-projek masa dahulu mereka telahpun diberi peluang, duduk di tempat itu. Sampai hari apabila tindakan hendak diambil, beliau kata kita mestilah lagi beri masa. Saya ingat masa telahpun habis. DAP pun tahu kalau ada masa Kerajaan tentu pertimbangkan lama lagi untuk memberi peluang kepada rakyat.

Tuan Speaker, ada lagi satu perkara di mana Yang Berhormat rakan saya telah menjawab iaitu untuk taksiran Hasil Pintu. Ini adalah satu hasil yang digunakan mengikut undang-undang 5 tahun sekali dan yang mana orang-orang yang tidak berpuas hati boleh membuat rayuan terus kepada Majlis-majlis berkenaan.

Tuan Speaker, akhir sekali saya hendak menjawab mengenai satu perkara yang dibawa oleh yang Berhormat Ahli dari Paya Terubong. Saya ingat sekali ini beliau telah membaca dengan teliti laporan yang kita ada dan beliau telah mengikut jadual hasil, anggaran hasil dan perbelanjaan, tetapi beliau mesti terima bahawa dari satu muka ke satu muka adalah ditunjukkan anggaran yang mana satu agak lebih dan satunya lebih kurang, kalau kita bandingkan dengan tahun dahulu, tetapi apa yang kita ingin hendak capai ialah perbelanjaan \$77 juta lebih di tahun akan datang dan kekurangan yang kita sediakan ialah \$4.6 juta sahaja. Saya harap Yang Berhormat Ahli dari Paya Terubong boleh menerima anggaran yang kita telah sediakan.

Dengan itu, saya menyokong sepenuhnya dengan Rang Undang-undang 1984. Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih lagi sekali kepada semua Ahli-ahli yang telah menyokong penuh dengan Rang Undang-undang ini.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali kedua.

Rang Undang-undang dalam Jawatankuasa Perbekalan

Wang sebanyak \$12,422,500.00 untuk Kepala B.1. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,451,600.00 untuk Kepala B.2. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$3,992,700.00 untuk Kepala B.3. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$5,914,900.00 untuk Kepala B.4. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$445,900.00 untuk Kepala B.5. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$594,000.00 untuk Kepala B.6. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,453,200.00 untuk Kepala B.7. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$13,342,800.00 untuk Kepala B.7. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$13,342,800.00 untuk Kepala B.8. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,483,000.00 untuk Kepala B.9. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,151,500.00 untuk Kepala B.10. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$537,100.00 untuk Kepala B.11. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$3,164,300.00 untuk Kepala B.12. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,106,100.00 untuk Kepala B.13. menjadi sebahagian daripada Jadual.

Wang sebanyak \$1,951,200.00 untuk Kepala B.14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Dewan Bersidang Semula

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan (1984) 1983 telahpun dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini sekarang dibaca-

kan bagi kali ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Rang Undang-undang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

(B) Rang Undang-undang Tafsiran (Negeri-negeri Malaysia Barat) (Pemakaian), 1983.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama "Suatu Enakmen untuk menerima pemakaian Akta Tafsiran (Negeri-negeri Malaysia Barat), 1967" dibacakan bagi kali pertama.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang pertama.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon kebenaran Tuan Speaker di bawah peraturan Majlis Mesyuarat 118 bagi mencadangkan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa dalam semua peringkatnya di dalam Majlis Mesyuarat ini.

Tuan Speaker:

Saya memberi kebenaran di atas cadangan penggantungan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat digantungkan kuatkuasanya untuk sementara bagi membolehkan Rang Undang-undang ini dibawa dalam semua peringkatnya dalam Majlis Mesyuarat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Soalan dikemukakan dan dipersetujui.

Bacaan yang Kedua.

Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan bahawa satu rang Undang-undang yang bernama Akta Tafsiran (Negeri-negeri Malaysia Barat) 1967 dan Enakmen tersebut akan mulai berkuatkuasa pada tarikh penerbitannya di dalam Warta.

Tuan Speaker, Akta Tafsiran (Negeri-negeri Malaysia Barat), 1967, telah diperbuat oleh Parlimen beberapa tahun yang lalu, yang bertujuan di antara lain untuk mentafsir Undang-undang bertulis di Negeri-negeri Malaysia Barat. Tambahan pula, dengan pemakaian Akta tersebut, ia akan menyeragamkan di dalam tafsiran undang-undang di seluruh negara.

Menurut Perkara 76(3) Perlembagaan Persekutuan, Akta tersebut tidak akan berkuatkuasa dalam Negeri sehingga ia diterima oleh Dewan Undangan Negeri.

Justeru itu, saya sekarang mencadangkan supaya Akta tersebut dipakai untuk mentafsir Undang-undang Negeri Pulau Pinang yang bertulis.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Dr. Sak Cheng Lum):

Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Tuan Speaker:

Dewan ditangguh sehingga esok pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.